# Pelita Brunei

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 25 BILANGAN 2 | RABU 9HB JANUARI, 1980. | رابو 20 صفر 1400 | PERCHUMA


## JANGAN JADIKAN J-RAYA GELANGGANG PERLUMBAAN

KUALA BELAIT.—Pengguna2 jalan-raya yang degil dari mematohi peratoran2 lalu-lintas terutama-nya pada menghormati had2 laju yang di-kenakan telah di-seru supaya menyedari akibat2 burok, bukan saja yang akan menimpa mereka, tetapi juga orang lain yang sama2 menggunakan jalanraya.

Pemandu2 yang suka memandu deras di-tempat2 yang tidak sepatut-nya berbuat demikian telah di-tegor supaya sentiasa mengingati yang jalanraya awam bukan-lah gelanggang perlumbaan.

Demikian telah di-tekankan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar sa-jurus sa-belum merasmikan Permainan Lalu-Lintas Shell yang telah di-adakan di-Jalan Sungai di-sini pada hari Ahad yang lalu.

Jalanraya, jelas Yang Amat Mulia itu lagi, ada-lah bertujuan sa-bagai kemudahan perhubongan orang ramai sama ada bagi faedah persendirian mahu pun bagi maksud memajukan perniagaan dan perusahaan. Oleh itu, ia-nya jangan-lah di-persalah gunakan.

"Jangan-lah di-jadikan jalanraya sa-bagai tempat gelanggang perlumbaan kereta dan jangan-lah pemandu2 menjalankan bas2, lori2, kereta2 dan motorcycle dengan deras atau laju dengan tidak mengikut had yang di-tetapkan", sabda Yang Amat Mulia.

Kemalangan jalan-raya, sabda Yang Amat Mulia sa-lanjut-nya, dapat di-hindarkan dan di-kurangkan dengan ada-nya perasaan timbang rasa, tolak ansor, dan hormat menghormati antara pemandu2 dan pengguna2 jalanraya yang lain. Ini ada-lah penting.

"Kemalangan jalanraya boleh mencheraikan isteri dengan suami, kemalangan jalan-raya mengakibatkan sa-orang anak jadi yatim piatu kerana kehilangan ibubapa dan lain2 lagi keburokkan-nya", sabda Yang Amat Mulia.

Dari itu, sabda Yang Amat Mulia, kita di-wajibkan mematohi peratoran2 lalu-lintas jalanraya dan itu ada-lah salah satu amalan yang tidak kurang mulia-nya.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah juga telah berseru kapada penuntut2 supaya sentiasa menjauhkan diri daripada perbuatan2 yang boleh merugikan nama baik sendiri atau keluarga dan negara.

Dari itu, tambah Yang Amat Mulia, penuntut2 hendak-lah menumpukan perhatian sa-penoh-nya kapada pelajaran bagi menchapai kejayaan untok faedah masa hadapan dan bakal pemimpin yang bertanggong-jawab terhadap kedaulatan negara dan sentiasa patoh kapada ajaran2 ugama dan perentah Allah s.w.t. dan menjauhi segala larangan-nya.

Terdahulu dalam sabdanya, Yang Amat Mulia menjelaskan bahawa peraduan tersebut ada-lah bertujuan sa-bagai satu latehan awal kapada kanak2 sekolah tentang chara menggunakan jalanraya dengan selamat di-samping itu ia-nya juga bertujuan sa-bagai peringatan dan memahami kapada pengguna2 jalanraya supaya menjadikan jalan-raya tempat selamat.

Sa-banyak 10 buah sekolah dari seluroh negeri telah mengambil bahagian dalam peraduan itu dan ia-nya telah di-kelolakan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei buat kali yang kedua.

Dalam peraduan tersebut johan telah di-sandang oleh Sekolah Persediaan Inggeris Dato Gandi sementara tempat kedua telah di-menangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris Haji Tarif, kedua2-nya dari Daerah Brunei dan Muara manakala tempat ketiga telah di-menangi oleh Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah dari Kuala Belait.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Hj Abdul Aziz telah juga menyampaikan hadiah2 di-peraduan itu.



YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz menyampaikan hadiah kapada wakil Sekolah Persediaan Inggeris Dato Gandi yang telah memenangi pertandingan tersebut.

## Menteri Negara British akan melawat Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Negara British bagi Hal Ehwal Luar dan Komanwel, Tuan Peter Blaker akan melakukan lawatan ka-sini minggu depan.

Tuan Blaker akan di-iringi oleh Timbalan Setia Usaha Rendah Negara bagi Hal Ehwal Luar dan Komanwel, Tuan Cortazzi di-jadualkan tiba pada hari Isnin, 14hb Januari. Mereka akan berada di-sini salama dua hari.

Lawatan kedua2 pegawai British itu ada-lah sa-bahagian dari rangka lawatan mereka ka-Negeri2 di-Asia Tenggara termasok Negeri Thai, Malaysia dan India.

### Manis-nya Iman

"SIAPA yang dengan ikhlas dan penoh azam memohonkan kapada Allah untok mati shahid neschaya Allah akan menyampaikan-nya ka-martabat orang2 yang mati shahid sekali pun dia mati di-atas ketiduran-nya." — HADITH Nabi riwayat Muslim daripada Sahlun bin Hanif.

## Sambutan Maulud Nabi 30hb Jan.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sambutan Maulud Nabi s.a.w. pada tahun ini akan di-adakan sa-rentak di-seluroh negeri pada 12hb Rabiel Awal, 1400 Hijrah bersamaan dengan 30hb Januari 1980 masehi, mulai jam 7.20 pagi.

Seluroh umat Islam ada-lah di-pelawa untok menyertai sambutan itu dan kapada meada-lah di-minta supaya mengreka yang ingin menyertai-nya isikan borang2 penyertaan yang boleh di-dapati dari Setiausaha Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Maulud Nabi s.a.w. di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan.

Borang2 penyertaan hendak-lah di-hantar kapada Setiausaha Jawatankuasa Tertinggi Sambutan tidak lewat dari hari Khamis 17hb Januari 1980, jam 3.30 petang.

## PERWAKILAN BRUNEI KA-SIDANG DAAWAH ISLAMIAH DI-K.L

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei akan menghantar perwakilan ka-Persidangan Daawah Islamiah bagi Asia Tenggara dan Rantau Pasifik yang akan berlangsong di-Kuala Lumpur sa-lama empat hari mulai 11hb hingga 14hb Januari ini.

Perwakilan Brunei itu ada-lah terdiri dari Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Hj Serudin; Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awg Hj Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Brunei dan Pengiran Anak Hajjah Masnah bte Pengiran Muda Safiuddin, Pegawai Pelajaran Ugama.

Matalamat persidangan itu ia-lah antara lain untok mendapatkan buah fikiran di-kalangan pemimpin2 pergerakan daawah Islamiah dan mendapat jalan yang lebeh praktik untok meluaskan bidang itu.

Persidangan itu juga akan mengketengahkan masaalah2 yang menchabar kegiatan2 daawah dan membinchangkan langkah2 perlu untok melipat gandakan lagi kerja2 pendaawah Islamiah.

Di-sepanjang persidangan itu nanti, para perwakilan akan berhadapan dengan enam ajenda pokok yang meliputi tentang peranan masjid di-bidang daawah; pendidekan dan sebaran2 'am di-bidang daawah; latehan2 kapada pendaawah; masaalah2 dan chabaran2 yang di-hadapi oleh tugas2 pendaawah, kegiatan2 daawah di-antara kelumpok umat Islam yang kechil dan, bidang kerjasama pertubohan2 dan institusi2 daawah yang ada masa ini.

Sa-lain dari penghadhiri persidangan itu perwakilan Brunei itu juga akan membentangkan hal ehwal Islam di-Brunei dan satu buku mengenai-nya akan di-sebarkan kapada perwakilan2 di-dalam sidang itu.

Perwakilan itu di-jadualkan akan berlepas ka-Kuala Lumpur pada hari ini.

## 1,291 orang telah mendaftar untok naik haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama mengumomkan bahawa hingga sa-takat ini sa-ramai 1,291 orang telah mendaftar untok menunaikan fardhu haji di-Mekah pada tahun ini.

Jumlah pendaftaran tersebut ada-lah di-perolehi daripada pendaftaran yang bermula sejak awal bulan Nobember hingga 31hb Disember lalu.

Dari jumlah itu sa-ramai 1,102 orang dari Daerah Brunei dan Muara, 99 orang dari Daerah Tutong, 75 orang dari Daerah Belait dan sa-lebeh-nya 15 orang dari Daerah Temburong.

Jabatan Hal Ehwal Ugama juga telah mengumomkan bahawa pendaftaran tersebut akan di-lanjutkan hingga 31hb Januari dan pendaftaran2 boleh-lah di-buat di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Kuala Belait, Tutong dan Temburong.

## Harga daging lembu naik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ada-lah di-maalomkan kapada orang ramai khas-nya pembeli2 di-negeri ini oleh kerana harga pasaran lembu di-Australia telah naik di-sebabkan faktor2 yang tertentu yang mana tidak dapat di-elakkan di-pasaran antarabangsa, pengimpot2 lembu di-negeri ini yang bergantong penoh kapada pembekal2 dari Australia telah memohon kapada Kerajaan untok menaikan harga2 daging lembu di-negeri ini.

Sa-telah mempertimbangkan permohonan2 mereka itu, Pengawal Harga HANYA dapat mempersetujui supaya harga2 daging lembu di-jual saperti berikut mulai 5hb Januari, 1980 : —

| | Harga Lama | Harga Baru |
|---|---|---|
| Isi manis | $5.00 | $6.00 |
| Isi | 5.00 | 6.00 |
| Tulang | 2.50 | 3.00 |
| Hati | 6.00 | 7.00 |
| Hati kura | 4.50 | 5.00 |
| Hati buyah | 3.50 | 4.00 |
| Lidah | 4.50 | 5.00 |
| Jantong | 4.50 | 5.00 |
| Berubut | 2.00 | 2.00 |

**Pelita Brunei**

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

9HB JANUARI, 1980

بسم الله الرحمن الرحيم

## Kedudokan ekonomi kita stabil

KITA di-Negeri Brunei ini bernasib baik kerana dapat mempergunakan kesempatan yang di-luangkan oleh kedudokan ekonomi negeri kita yang stabil untok meneruskan ranchangan2 kemajuan yang lalu serta mengkaji ranchangan2 kemajuan yang baru yang mana akan menghasilkan perkhidmatan2 Kerajaan yang bertambah baik serta bertaraf tinggi dalam keadaan suasana yang tenang lagi penoh berkebajikan.

Minyak dan gas terus memainkan peranan penting dalam ekonomi negeri kita. Jualan2 minyak dan gas ada-lah di-dasarkan kapada nilai ringgit Amerika dan ada-lah di-jangkakan bahawa dalam tahun 80an pendapatan dari kedua2 sumber ini berada dalam paras yang sama, dengan izin Allah. Bagaimana pun, ekonomi Negeri Brunei terus di-kuasai oleh perusahaan2 minyak dan gas dan kenaikan2 dalam harga pasaran bahan2 dagangan itu telah dapat mempastikan yang Kerajaan dapat meneruskan perlaksanaan ranchangan2 untok kemajuan dan pentadbiran yang lebeh baik tanpa mengadakan sekatan kewangan yang tidak sejawar-nya.

Kerajaan telah terus mengekalkan dasar-nya pada memberikan bantuan subsidi untok perkhidmatan2, kemudahan2 umom, bahan2 makanan yang tertentu dan minyak jentera dengan tujuan yang jelas, ia-itu, supaya dapat mengawal kadar inflasi serta akibat2-nya yang tidak di-ingini itu. Demikian juga Kerajaan telah meneruskan dasar-nya pada memberikan pinjaman2 kapada pengusaha2 kaum bumiputera (peniaga2 kechil dan sederhana) yang mana ia-nya ada-lah di-hasratkan untok membolehkan banyak kedai2 runchit kechil2 yang di-kendalikan oleh bumiputera dan perkhidmatan2 kemudahan terutama sekali perusahaan2 sederhana di-berbagai bidang.

Saperti yang telah di-ramalkan oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara bahawa pada penutop tahun 1979 terdapat satu baki kira2 hasil yang di-satukan yang berjumlah kurang lebeh $7,956 juta dan perbelanjaan ada-lah kurang daripada apa yang di-jangkakan. Berikutan dengan terdapat-nya kenaikan2 dalam harga minyak dalam tahun tersebut maka pendapatan negara dari sumber tersebut ada-lah besar oleh yang demikian ada-lah di-anggarkan pada penghujong tahun ini kira2 hasil yang di-satukan sa-harus-nya dalam lingkongan $8,828 juta. Hasil pendapatan pada tahun 1980 di-anggarkan sa-banyak $4,491 juta dan yang demikian pada penutop tahun 1980, kelebehan dari hasil pendapatan sa-harus-nya berjumlah $3,254 juta sementara jumlah yang terdapat pada sebelah kredit Kira2 Hasil Yang Di-Satukan sudah sepatut-nya sa-banyak $12,082 juta. Dengan latar belakang kewangan sedemikian, maka tidak-lah perlu buat sementara ini untok menchari chara2 atau pun usaha2 untok mengimbangi belanjawan demi kepentingan pengurusan ekonomi negara yang sehat.

Tahun 1979 yang baru saja kita tinggalkan ada-lah merupakan tahun terakhir sekali bagi Ranchangan Lima Tahun Kemajuan Negara yang ketiga dan usaha2 telah di-lipat gandakan untok menyiapkan sa-bilangan projek2 dalam tempoh yang telah di-tentukan itu. Maka untok menentukan penilaian berkesan-nya ranchangan tersebut akan menjadi satu tajok bagi sa-buah laporan yang berasingan yang akan di-keluarkan kemudian, saperti mana yang telah di-janjikan oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara.

Untok mengikuti sa-lanjut-nya Ranchangan Kemajuan 1980-1984; Kerajaan telah menyediakan peruntokan yang berjumlah sa-banyak $1,700 juta. Ada-lah di-hasratkan ranchangan tersebut akan meliputi dalam semua bidang saperti jalanraya, laut, udara, pelajaran, perkhidmatan2 kesihatan, talikom, letrik, bekalan ayer yang akan di-perluaskan untok memenohi keperluan2 atau permintaan2 yang semakin bertambah dan lain2 projek pembangunan lagi.

Mudah2an tahun 1980 ini dan tahun2 berikut-nya nanti akan membawa rahmat kapada kita seluroh-nya di-negeri ini terutama sekali di-bidang kehidupan raayat dan pendudok di-negeri ini.

## PADA HEMAT SAYA....

# BELANJAWAN

"KITA mungkin melunjak di-geletek oleh rasa bangga menjalamai negeri yang kaya sebab sedikit sa-banyak kita pun ampit di-sebut kaya. Itu sudah sa-patut-nya tapi dengan sharat mesti-lah pula di-sertai dengan rasa insaf."

SELALU benar di-sebut2 bahawa negeri kita ini kechil, pendudok-nya sedikit.

Sebutan itu lazim-nya ia-lah sa-telah membanding-bandingkan dengan negeri2 orang.

Tapi dalam menyebut atau mendengar sebutan itu jarang kita terfikir: bahawa bagaimana kechil pun saiz *'Brunei Darussalam'* kita ini namun ia ada-lah *'negeri'*; dan bahawa bagaimana sedikit pun bilangan pendudok-nya namun mereka ada-lah *'jalama'*.

Kita saperti terlupa negeri dan jalama-nya itu — apa pun bentok dan di-mana pun letak-nya — tentu ada dengan berbagai2 keperluan-nya. Dan keperluan itu mesti di-belanjai-nya.

Sa-banyak mana belanja-nya bergantong kapada sa-jumlah mana pula keperluan-nya. Biasa-nya negeri kechil keperluan-nya juga kechil, tapi tidak pula sa-mesti-nya kurang dari negeri besar. Yang kechil-nya itu ia-lah *saiz keperluan*, bukan mesti *jenis keperluan*.

Ambil saja satu chontoh: pertahanan mithal-nya. Sama ada negeri itu besar atau kechil pasti dengan keperluan pertahanan-nya. Chuma saiz pertahanan itu saja yang berlainan menurut saiz negeri. Itu pun bergantong pula kapada keadaan.

### HARGA YANG MESTI DI-BAYAR

Berdasarkan pertimbangan tadi maka tidak-lah patut kita walang atau pun hairan menggiling-gilingkan kepala bila mengetahui negeri kita yang kechil molek ini menganggarkan belanjawan-nya untok tahun 1980 sa-jumlah lebeh dari sa-ribu juta ringgit.

Jumlah itu mungkin besar bagi negeri yang kechil dengan pendudok-nya yang tidak ramai. Tapi itu-lah harga yang mesti di-bayar bagi keperluan sa-bagai sa-buah negeri.

Jumlah tersebut melebehi dari jumlah tahun lepas kira2 sa-banyak 153 juta. Dan ini pun tidak-lah patut mewalangkan sa-siapa, sebab tambahan sa-banyak itu tidak pula di-selok sampai kakochek melalui chukai atau sa-bagai-nya.

Yang ternyata: negeri kita mampu berbelanja sa-besar itu tanpa menambahkan beban siapa2. Ini ia-lah di-sebabkan hasil mahsul negeri lebeh dari chukop. Kita di-beritahu, hasil-mahsul untok tahun ini di-jangkakan berjumlah hampir empat ribu juta sa-tengah; dan melebehi hasil mahsul tahun lepas sa-banyak hampir dua ribu juta.

Chuma kira2 sa-suku sahaja dari jumlah pendapatan itu akan di-belanjakan. Ma'ana-nya: ada kira2 tiga suku lagi lebeh-nya.

Kalau berpandu kapada pendapatan orang perse-orangan, tiga suku berlebeh daripada semua perbelanjaan itu tentu-lah ma'ana-nya mewah. Jadi munasabah benar-lah negeri kita ini di-sebut negeri kaya, sekurang2-nya dalam ertikata: mampu membelanjai keperluan-nya dengan selesa dan mewah!

### MELUNJAK

Kita mungkin melunjak di-geletek oleh rasa bangga *menjalamai* negeri yang kaya sebab sedikit sa-banyak kita pun *ampit* di-sebut kaya. Itu sudah sa-patut-nya tapi dengan sharat mesti-lah pula di-sertai dengan rasa insaf.

Shukor-lah, kita jarang terlupa menyebut kekayaan dan kemewahan negeri kita ini sa-bagai kornia Allah. Itu tanda-nya kita insaf dan bershukor.

Dan kerana tahu bershukor itu-lah pula kita sanggup berbelanja besar sa-tiap tahun. Erti-nya: kita mempergunakan kornia Allah itu pada membelanjai keperlukan negeri.

### SUKATAN

Berbelanja besar bukan ma'ana-nya membazir. Lain hal-nya kalau ia tidak kena tempat-nya dalam ertikata bukan bagi maksud2 kebaikan. Dan belanja keperluan negeri itu tentu-lah bagi maksud2 kebaikan. Tambahan pula ia di-anggarkan sa-telah di-sukat. Sukatan-nya itu pula tentu-lah di-dasarkan pada keutamaan2 yang sa-kira2 menepati keperluan dengan tidak pula mengakibatkan apa2 kesan burok.

Maka dalam ertikata sedemikian munasabah-lah kita meyakini yang belanjawan negeri sa-besar apa pun jumlah banyak-nya ia bukan-lah suatu pembaziran. Dalam masa yang sama wajar pula-lah kita memahamkan-nya sa-bagai suatu kemestian berbelanja pada membahagi-bahagikan sa-mula rezeki negeri kapada isi di-dalam-nya menerusi berbagai2 chara dan saloran. Dengan itu tidak berbangkit pembolotan rezeki oleh negeri.

Dengan lain2 tanggapan: Allah memberi — yakni mengorniakan rezeki yang luas kapada negeri kita. Kita *di-wakilkan-Nya* untok membelanjakan-nya bagi keperluan negeri. Dalam berbelanja itu di-kehendaki jangan membazir saperti juga jangan bakhil.

### KADAR REZEKI

Dalam pembahagian sa-mula rezeki negeri, sa-bahagian dari kita sudah tetap dengan kadar bahagian-nya menerusi peruntokan gaji. Orang2 yang belum tentu kadar-nya kena-lah masing2 berikhtiar mendapatkan bahagian-nya. Mungkin lebeh dan mungkin juga kurang dari kadar rezeki orang bergaji, tapi yang pasti ia-lah: orang bergaji sa-takat gaji-nya itu-lah saja kadar rezeki-nya dalam anggaran belanjawan itu. Tak tau-lah kalau mereka ada 'side income' lain, atau mungkin juga nanti ada lain2 lagi kornia Allah.

Kemudian, rezeki yang di-peroleh itu sa-bahagian-nya akan di-belanjakan. Maka itu ma'ana-nya ia sekali lagi di-bahagi-bahagikan. Ada bahagian untok makan minum; ada untok kenderaan; ada bahagian untok pakaian; ada untok kelengkapan rumah, dan sa-terus-nya yang lain2.

Yang pasti: oleh kerana keperluan2 itu mesti *di-beli* maka yang mendapat bahagian ia-lah penjual. Dan penjual itu tentu juga akan membelanjakan-nya bagi keperluan-nya dan keperluan perniagaan-nya maka di-situ sekali lagi rezeki itu akan di-bahagi-bahagikan. Orang yang mendapat bahagian pun juga akan membelanjakan-nya maka begitu-lah seterus-nya rezeki itu terus beredar di-bahagi-bahagikan.

Dalam berbelanja atau membahagi-bahagikan itu masing2 di-tuntut jangan boros dan jangan pula bakhil.

Yang nyata: *sa-bahagian rezeki itu mesti di-belanjakan dalam ma'ana di-bahagi-bahagikan. Maka dengan itu tidak patut ada pembolotan rezeki oleh siapa2.*

Banyak atau sedikit kadar-nya yang akan di-dapat tidak-lah menjadi mainan fikiran saya. Sa-balek-nya yang selalu terfikir ia-lah mengenai chara mendapat dan membelanjakan-nya. Pada hemat saya, semua kita berharap chara-nya itu betul dan berseh dalam ma'ana halal.—*Ketua Pegawai Penerangan.*





MASING-MASING mendapat bahagian2-nya dari 'rezeki negeri' melalui berbagai chara dan saloran. Dua gambar atas ia-lah chontoh bagaimana rezeki kornia Allah itu di-bahagi-bahagikan yang antara-nya menerusi jual-beli dan upah perkhidmatan.

# Legco approves more than $1,201 million budget

BANDAR SERI BEGAWAN. — The State Legislative Council last week approved a record over 1,201 million dollar budget for the state next year.

The Royal Brunei Malay Regiment takes the biggest slice of the budget of more than a quarter of thousand million dollars.

Education has been allocated more than one hundred and fourteen million dollars while the Public Works Department gets more than one hundred million dollars.

The council later approved a bill moved by the State Financial Officer, Pehin Dato John Lee requesting a sum of more than four hundred and fourteen million dollars out of the Development Fund for additional expenditure for twenty two government services next year.

**The following is the first part of the budget speech by the State Financial Officer, Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee.**



**Four ex-employees of the Brunei Survey Department were feted at a ceremony held recently at the department.**

**They were Awang Haji Othman bin Ahmad, Awang Othman bin Yaakub, both were officials, Pengiran Haji Kahar bin Pengiran Kamaluddin and Awang Ali bin Haji Abdul Rahman.**

**Picture above shows Pengiran Haji Kahar bin Pengiran Kamaluddin receiving a souvenir from the Brunei Surveyor General, Mr. James William Wright.**

# OFFICERS ATTEND COURSE

BANDAR SERI BEGAWAN. — Five officers of the Royal Brunei Police, including two women last week left for Singapore to attend a six-month course in law and general police duties at the Singapore Police Academy.

They will later be attached to the various divisions of the Singapore Police Forces for three months.

The officers were ASP Aji bin Hj Pungut, ASP Momin bin Haji Shawal, ASP Kamaruddin bin Dato Haji Talib, ASP Hajjah Intan bte Hj Mohammed Kassim and ASP Sharifah Salmah bte Syed Hussein Alkaff.

# Plans Implemented Without Undue Financial Restraint

## — Pehin John Lee

I rise to move the second reading of the Bill standing in my name entitled "An Enactment to apply a sum out of the Consolidated Fund for the service of the year 1980 and to apply the said sum for certain purposes." In so doing I should like to take the opportunity to review events of the past year which have had a financial or economic impact in Brunei, to inform Honourable members of the present financial position and to forecast what it is likely to be at the end of 1980.

It is a great pleasure for me to be able to present a Budget at this time, without having to be the bearer of news of taxation increases, monetary and exchange restraints and other unpalatable remedies to help cure economic ailments. The fiscal, monetary and trade problems which have arisen in most countries of the world during the current year make depressing reading. Inflation rates in double figures, trade recessions, high unemployment and balance of payments deficits are common to most countries.The inability of the developed countries of the world to come out of the recessional depths is having a stagnant effect on the economies of the smaller countries and one cannot take a global view of the immediate economic future without foreboding.

In Brunei however the economy has continued to be dominated by the oil and gas industries and the increase in the market worth of those commodities has ensured that the Government of His Highness the Sultan and Yang Dipertuan has been able to continue the implementation of plans for the good government and development of the State without undue financial restraint.

The value of exports far outweighs that of imports and there is a large balance of trade surplus. The estimated Gross Domestic Product for 1979 shows an increase of 12.7% over that for 1978 and over the last five years the increases have averaged 9.4% at 1974 prices and 18.4% at market prices. Oil and gas however account for about 88% of the Gross Domestic prices and the Government is intent upon achieving growth in other sectors also. Although such diversification of the economy remains a prime aim this needs to be additional to the oil and gas industry. None of the other natural resources of Brunei are likely to be developed in such a way that they could ever match the returns which are available from the exploitation of oil and gas. Nevertheless apart from oil Brunei has many advantages over countries of similar sizes and economic growth is possible in other areas by judicious use of the oil wealth. There is always a danger of inactivity through complacency but the Government is continually encouraging new openings and the consequent creation of an energetic, thriving and vibrant society.

During the year production of oil and natural gas liquids averaged over 250,000 barrels per day and this is likely to be maintained during the coming year. There is a world shortage of oil and there has been no difficulty in finding buyers at the present high market prices. The revenues which have consequently been enjoyed during the past year should be maintained throughout 1980. In addition, the sales of liquefied natural gas have continued in accordance with long-term contract and it has also proved possible to increase the price of this product to bring it into line with current energy prices. Although there is only one producing oil company in Brunei at the present time, two other companies which have held concessions for some time intend to resume their search for hydro-carbons in the areas allotted to them so that the on-shore and off-shore areas of the State which are not already being exploited will be under continuing exploration.

The Government has continued its policy of subsidising public utilities, services, certain foodstuffs and motor-spirit with the express intention of keeping down the inflation rate with its undersirable consequences. It has not been possible however to curb the effects of inflation in the countries from which goods and services are imported and this has had an effect on the cost of living in Brunei. In the past, it has not been possible to produce accurate statistics but in 1977 a comprehensive Household Expenditure Survey covering the whole year was carried out and the information which was obtained enabled a realistic weighting of groups of expenditure to be compiled and also formed a base against which the cost of living in future years may be measured. The Consumer Price Index in August 1979 indicated a rise of 13.2% over that of August 1977.

The policy of making soft loans available to persons anxious to develop small trading undertakings who are not otherwise able to secure finance through normal commercial channels has continued. Such loans are processed by the Economic Development Board and there is every indication that the scheme will successfully enable numerous small retail outlets and minor but important utility services to be established, especially in the rural areas.

The colour television service has continued with a gradual expansion of the programmes of local content. No licence fees are charged, the entire cost being borne by the State. The scheme whereby the Government makes available interest-fee money to one of the commercial banks in order that cheap loans may be made to the public to enable them to purchase television receivers is coming to a close. Loans to the value of Br$25,750,000 have been made and in this way the enjoyment of this amenity has been made available to all, at minimum cost to the viewers.

Royal Brunei Airlines has now been operating for 4½ years and the large number of passengers now being carried indicates the increasing airmindedness of the public. The quick conversion aircraft which is scheduled to be put into service in March 1980 will enable the Airline to meet a growing demand for the carriage of airfreight and at the same time allow the aircraft to be used for passenger carrying. The Airline is not yet in a break-down position but the value of the present services is recognised and the Government is intent to maintain the present high standards of operation and maintenance at the lowest possible cost to the traveling public.

The Brunei Currency Board has continued to issue notes and coins without the necessity to change the parity which has existed since currency was first issued in 1967. The amount of currency in circulation is $124m and this is directly covered by overseas investments amounting to 108% of that figure and also by the State's other reserves which provides an overwhelming backing. Consequently, the currency has remained stable and should continue to do so. The interchange-ability arrangement with the Monetary Authority of Singapore has continued unchanged. No special issues for numismatists were made during the year as the policy of the Board is to commemorate specific events of importance to Brunei rather than to make special issues for the purpose of raising revenue.

When I addressed this Assembly last year, I anticipated that at the close of 1979, there would be a balance in the Consolidated Revenue Account of approximately $7,956 million. In the event, expenditure was less than was anticipated mainly because in preparing the Estimates financial provision was made for all the authorised posts in the Establishment but it did not prove possible to fill them. In addition there were increases in oil prices during the year so that revenue from that source was greater than had been estimated. As a result the estimated credit balance on the account at the end of this year should be in the region of $8,828 million.

During 1980, it is estimated that Expenditure will amount to $987 million and in addition, an amount of $250m, which I will refer to later, will be transferred to the Development Fund. Revenue on the other hand should amount to $4,491m so that at the close of 1980, the Revenue surplus should be $3,254m and the amount standing to the credit of the Consolidated Revenue Account should be $12,082m. Against such a financial background, it has not been necessary to seek ways and means of balancing the Budget although in the interests of good housekeeping there is a continuing necessity to ensure that Expenditure is neither wasteful nor nugatory but that the State's spending is for the common good. To this end, a Committee consisting of Members of this House was appointed by His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, to examine in detail the requests for expenditure in 1980 submitted by Departments. This has been done and I should like to commend the Honourable Members concerned for the manner in which they undertook this time-absorbing task. The result of their efforts is embodied in the Estimates of Revenue and Expenditure for 1980 which have been laid on the table as Sessional Paper No 1 of 1979.

# Building Courses

JALAN MUARA. — Technical Education of the Education Department is now inviting applicants from subjects of His Highness the Sultan of Brunei to enrol in one-year Practical Courses commencing next month.

The courses available are Bricklaying, Carpentry, Painting and Decorating and Furniture Making.

It is aimed at providing a basic training in the skills of the trade so as to enable the trainees to obtain employment.

Trainees will be required to undertake project work during the last six months of their course.

They will be paid an allowance of $45.00 per month and for those who live at a certain distance from school a subsistence allowance of $45.00 will also be given.

All will be provided with free overalls and safety shoes.

Applicants must have completed Form Three and left school.

Further information as well as an application forms are now obtainable from Principals of Technical Schools, Secondary Schools and the Education Department Head Office.

The forms should be sent to the Principal, Sultan Saiful Rizal School of Building here not later than 21st of this month.

# BRUNEI EXTERNAL TRADE

BANDAR SERI BEGAWAN. — For the first nine months of 1979 Brunei total external trade was B$4,759 million and had a surplus balance of trade of B$3,486 million. For the same period last year the corresponding figures were B$3,551 million and B$2,648 million. Imports were valued at B$637 million (B$451 million) while exports were valued at B$4,123 million (B$3,099 million).

The most important imports were machinery and transport equipments which were valued at B$268 million (B$144 million); manufactured goods, B$141 million (B$121 million); food, B$78 million (B$70 million); miscellaneous manufactured articles, B$48 million (B$36 million) and chemicals, B$41 million (B$32 million).

The principal export was crude oil which was valued at B$2,769 million (B$1,896 million), followed by liquefied natural gas, B$1,104 million (B$1,007 million) and petroleum products, B$181 million (B$136 million). Besides these, natural rubber, pepper, sawn timber, and animal hides were also exported, but on a much smaller scale.

The main exporting countries to Brunei were Japan which exported a total of B$175 million (B$95 million); Singapore, B$130 million (B$102 million); The United States of America, B$102 million (B$71 million); United Kingdom B$63 million (B$51 million) and West Malaysia, B$24 million (B$20 million).

The main importing countries of Brunei products were Japan which imported a total of B$2,908 million (B$2,326 million); The United States of America, B$340 million (B$281 million); Singapore, B$257 million (B$131 million) and Formosa, B$181 million (B$161 million).

Note: The figures in brackets above refer to value of imports or exports for the same period in 1978.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM. Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama)
Pehin Datu Seri Maharaja, D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S., Azhar dan U. Cairo, Mufti

*Dalam menghadapi perkembangan baharu*

# NASEHAT NABI

**Siri ke-14**

DI-RIWAYATKAN oleh Al-Imam Abu Daud dan At-Tirmizi daripada Sahabat Abu Najih al-'Irbadh bin Sariah (radhiallahu 'anhu) telah berkata :

"Kami telah di-beri nasehat oleh Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa-sallam) daripada suatu nasehat yang menakutkan hati dan menchuchurkan ayer mata; maka kata kami : Ya Rasulullah ! Sa-olah2 nasehat itu nasehat dan ingatan orang yang hendak memberi selamat tinggal, oleh itu mohon beri pesan kapada kami. Maka Rasulullah pun bersabda" :

أُوْصِيكُمْ بِتَقْوَى اللهِ عَزَّ وَجَلَّ، وَالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ وَإِنْ تَأَمَّرَ عَلَيْكُمْ عَبْدٌ، فَإِنَّهُ مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ فَسَيَرَى اخْتِلَافًا كَثِيرًا، فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ مِنْ بَعْدِي عَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِذِ، وَإِيَّاكُمْ وَمُحْدَثَاتِ الْأُمُورِ، فَإِنَّ كُلَّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ.

Mengikut Al-Imam At-Tirmizi, hadith ini hadith hasan sahih. Erti-nya: *"Saya berpesan kapada kamu dengan takutkan Allah, dengan menurut perentah-Nya dan menjauhi larangan-Nya; dan dengan mendengar dan dengan ta'at setia sekali pun kamu di-perentah oleh sa-orang hamba (kira-nya di-takdirkan berlaku, bersatu padu kuat dan berpechah melarat!). Kerana bahawasa-nya barangsiapa hidup daripada kamu maka ia akan melihat banyak perkara yang bersalah2 dan munkar. Maka dari itu hendak-lah kamu berpegang dengan sunnah atau perjalanan saya (saperti dalam iktikad, dalam amal yang wajib dan amal yang sunat2 dan lain2) dan perjalanan Khulafa' Ar-Rashidin yang mendapat petunjok sa-sudah saya (dalam perkara iktikad, perbuatan dan perchakapan). Dan berpegang sunggoh2 perjalanan mereka. Dan hubaya jauhkan-lah yang lain dari perjalanan mereka itu. Bahawa tiap2 perkara yang di-reka2 dan yang di-ada2kan, yang tiada asal-nya dari ugama dan menyeleweng dari perjalanan mereka itu ada-lah bid'ah, dan tiap2 bid'ah itu sesat."*

Menurut dalam Musnad Al-Imam Ahmad dan Jamie' Al-Imam At-Tirmizi daripada sahabat Huzuifah (radhiallahu 'anhu) telah berkata: Ada-lah kami ada dudok di-sisi Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa-sallam) maka Rasulullah bersabda:

إِنِّي لَا أَدْرِي مَا قَدْرُ بَقَائِي فِيكُمْ فَاقْتَدُوا بِالَّذَيْنِ مِنْ بَعْدِي، وَأَشَارَ إِلَى أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا وَتَمَسَّكُوا بِعَهْدِ عَمَّارٍ وَمَا حَدَّثَكُمْ بِهِ ابْنُ مَسْعُودٍ فَصَدِّقُوهُ.

Erti-nya : *"Bahawa saya tiada tahu akan kadar masa saya tinggal bersama2 kamu. Maka hendak-lah kamu ikut akan dua orang ini sa-lepas saya, (Baginda menunjokkan kapada dua orang itu ia-lah Sayidina Abu Bakar dan Sayidina 'Umar). Dan hendak-lah kamu berpegang dengan petunjok dan hidayat Sahabat Ammar dan apa yang di-chakapkan kapada kamu oleh Sahabat Ibnu Mas'ud maka kamu benarkan dia."*

### SUNNAH KHULAFA' AR-RASHIDIN

Rasulullah (sallallahu 'alaihi wasalam) menyuroh mengikut sunnah atau perjalanan Baginda dan perjalanan Khulafa' Ar-Rashidin sa-lepas Baginda, dan menyuroh mendengar dan ta'at kapada pemerentah2 Islam pada umom-nya.

Maka itu ada-lah menunjokkan suatu dalil bahawa sunnah atau perjalanan Al-Khulafa' Ar-Rashidin itu di-suroh ikut sa-bagaimana di-suroh ikut sunnah atau perjalanan Baginda itu sendiri. Lain hal-nya perjalanan pemerentah2 Islam yang lain itu, tiada-lah mereka itu sama atau saperti perjalanan Al-Khulafa' Ar-Rashidin. Dan Al-Khulafa' Ar-Rashidin yang di-suroh kita umat Islam ikut ia-lah perjalanan Sayidina Abu Bakar, Sayidina 'Umar, Sayidina Othman, Sayidina Ali dan Sayidina Al-Hasan bin Ali (radhiallahu anhum ajama'in) — Di-petek daripada Jamie' al-'Ulum wal-Hikam dan al-Fathuul Mubin.

Berkata Al-Imam Abu Hanifah; Telah di-tahdithkan saya oleh tuan guru saya Al-Imam Hammad, daripada Al-Imam Ibrahim An-Nakha'ie, daripada Al-Imam At-Tabi'e al-Jalil 'Alqamah bin Qais An-Nakha'ie Al-Kufi, daripada sahabat Ibnu Mas'ud, daripada Nabi (sallallahu 'alaihi wasallam) bahawa Baginda telah bersabda :

مَنْ أَحْدَثَ حَدَثًا فِي الْإِسْلَامِ فَقَدْ هَلَكَ، وَمَنْ ابْتَدَعَ بِدْعَةً فَقَدْ ضَلَّ، وَمَنْ ضَلَّ فَفِي النَّارِ.

Erti-nya : *"Barangsiapa mengadakan sa-suatu perkara yang lain dari Islam dengan menambah atau mengurang pada hukum2 ugama Islam, dalam iktikad dan dalam perkara2 amal maka sesunggoh-nya ia telah binasa dan mendapat neraka. Dan barangsiapa membuat sa-suatu bid'ah (perkara luar dari ugama Islam) di-dalam ugama Islam maka sesunggoh-nya ia telah sesat dan tiada dapat ia akan apa yang di-maksudkan-nya; dan ia telah menyeleweng dari jalan yang benar. Dan barangsiapa telah sesat dalam perkara ugama maka ia ada dalam neraka jika perkara bid'ah itu bukan dari perkara2 kufur; dan di-hukumkan dia kafir jika bid'ah itu dari perkara2 kafir.*

### SA-JAHAT2 PERKARA

Berkata lagi Al-Imam Abu Hanifah, menurut sanad yang dahulu itu ada-lah Sahabat Ibnu Mas'ud berkata dalam pesanan-nya itu dan ia ulang2kan pesanan-nya itu ia-lah ia ambil dari mutiara sabda Rasulullah (sallallahu 'alaihi wasallam) ia-itu bahawa sa-jahat2 perkara di-dalam iktikad, di-dalam perbuatan dan perchakapan ia-lah perkara2 yang di-ada2kan yang tiada terkandong di-dalam sa-suatu puncha dan asas dan dasar ugama Islam. Dan tiap2 perkara yang di-ada2kan itu ada-lah ia bid'ah dan mengubah ugama Islam. Dan tiap bid'ah itu sesat dan tiada di-kehendaki dalam Islam. Dan tiap2 sesat itu dalam neraka.

Yakni: tiap2 perkara yang di-ada2kan itu dalam neraka tempat orang membuat-nya dan tempat orang yang mengamalkan-nya dan orang yang mengikut2 orang2 yang membuat bi-d'ah itu sekali pun ia tiada mereka-reka bid'ah itu, sa-bagaimana yang tersebut dalam kitab Al-Futhul Mubin karangan Al-Imam Ibnu Hajar.

Ma'ana hadith ini telah di-riwayatkan oleh empat orang sahabat ia-itu Ibnu Mas'ud, Jabir, Al-Irbadh bin Sariah dan Sayidatuna 'Aishah (radhiallahu 'anhum). Dan telah di-riwayatkan daripada sahabat2 yang tersebut itu oleh lebeh daripada dua puloh dua tareq atau jalan.

Maka Al-Imam Abu Hanifah telah mengisharatkan dari kata2 yang tersebut di-atas itu bahawa ugama Islam itu tersusun dari ayat2 Al-Kor'an yang 'Muhkamah' dan dari hadith2 yang mashor dan juga dari ijma' ulama' salaf.

Petekan ini di-ambil dan di-rengkaskan dari kitab Isharat al-Maram min 'Ibarat al-Imam (Abi Hanifah) karangan Al-Allamah As-Shaikh Kamaluddin Ahmad Al-Bayadhi Al-Hanafi (meninggal tahun Hijrah 1097) ketika ia menjadi kadhi Mekah bagi pehak Kerajaan Bani Othman Turki dan kemudian menjadi kadhi besar bagi Kerajaan Bani Othman itu. Ia himpunkan kata2 Al-Imam Abu Hanifah (meninggal tahun Hijrah 150) dan susun serta sharahkan; sa-bagaimana Al-Imam Al-Baihaqi (meninggal tahun Hijrah 458) menghimpunkan kata2 Al-Imam As-Shafi'e (meninggal tahun Hijrah 204) dalam kitab2 Ahkamul-Kor'an dan Manaqib Ash-Shafi'e dan lain2.

### PENGAJARAN HADITH

Ada beberapa pengajaran yang patut di-perhatikan dari hadith tadi.

1 — Tiap2 iktikad, tiap2 amal dan tiap2 kelakuan yang keluar dari ugama Islam ada-lah di-tolak dan tiada di-pakai.

2 — Membuat perkara yang di-luar ugama Islam ada-lah puncha sesat dan masok api neraka.

3 — Bertakwa kapada Allah Ta'ala dengan mengerjakan segala perentah-nya dan menjauhi sekala larangan-nya, puncha jauh dari api neraka ada-lah asas di-terima segala amal dan kelakuan.

4 — Menyeleweng dari ajaran ugama Islam dan dari perjalanan Rasulullah (sallallahu 'alaihi wasallam) dan dari perjalanan Al-Khulafa' Ar-Rashidin ada-lah puncha berpechah belah di-kalangan umat Islam sa-sama sendiri.

5 — Bersatu padu di-antara umat Islam dengan pemerentah2 Islam ada-lah puncha kuat dan tegoh; dan berpechah belah dan berbalah2 di-antara kedua-nya ada-lah puncha melarat dan kehanchuran sa-bagaimana di-tegaskan dalam Al-Kor'an.

6 — Perjalanan Rasulullah dan perjalan Al-Khulafa' Ar-Rashidin ia-lah perjalanan2 yang di-ikut dan di-turut oleh Al-Imam2 Abu Hanifah, Malek, Ash-Shafi'e dan Ahmad bin Hanbal (radhiallahu 'anhum), ia-itu sa-bagaimana kata2 Al-Imam2 Abu Hanifah dan Ash-Shafi'e; dan sa-bagaimana riwayat yang telah di-riwayatkan oleh Al-Imam Ahmad bin Hanbal (meninggal tahun Hijrah 241) dalam perkara hadith menyuroh berpegang dengan perjalanan Sayidina Abu Bakar dan Sayidina 'Umar dan berpegang dengan petunjok Sahabat 'Ammar dan membenarkan perchakapan Sahabat Ibnu Mas'ud.

### HAWA NAFSU

Ada pun perkataan Al-Imam Malek, telah di-sebutkan oleh Al-Hafez Ibnu Rejab Al-Hanbali dalam Jame' al-'Ulum: Bahawa Ibnu Humaid telah meriwayatkan daripada Al-Imam Malek (meninggal tahun Hijrah 179) bahawa Al-Imam Malek telah berkata: "Tiada-lah suatu pun perkara ahwa' (bid'ah) yang berlaku sekarang ada berlaku pada zaman Rasulullah dan zaman Sayidina Abu Bakar, Sayidina 'Umar dan zaman Sayidina Othman". Ada pun ahwa' yang di-isharatkan oleh Al-Imam Malek itu ia-lah perkara2 perpechahan yang berlaku dalam perkara dasar2 ugama Islam yang di-ada2kan oleh puak Khawarij, Rawafidh, Murji'ah dan lain2 puak yang sesat . . . . Begitu-lah kata Al-Hafiz Ibnu Rajab.

Rengkas-nya: bahawa mengikut hawa nafsu dan ikut sesuka hati dan semata2 berpegang dengan akal dengan tiada bersandar dengan dalil shara' atau melampau dalam sa-suatu perkara yang di-pandang sa-bagai perkara ugama pada hal pada hakikat-nya bukan ia dari perkara ugama, atau mengikut sa-suatu puak atau kumpolan atau pertubohan yang di-pandang sa-bagai ugama kerana zahir-nya molek dan berkenan di-hati. Tetapi yang sa-benar-nya kumpolan itu bukan dalam kedudokan yang di-luluskan oleh shara' dan ugama Islam. Semua-nya itu ada-lah sebab dan puncha sesat dan berakhir bertempat di-neraka sa-bagaimana dalam hadith2 di-atas.

Dari itu hendak-lah tiap2 orang Islam dan orang yang beriman berpandu dengan hadith2 yang tersebut pada segala apa yang di-buat dan di-lakukan supaya ia mendapat taufek serta hidayat dan berada dalam keadaan dan jalan yang benar, yang di-redhai Allah serta Rasul-nya.

*WALLAHU A'ALAM.*

# Mati penentuan balasan Allah




SA-TELAH kita mendengar peristewa mati di-khutbah yang telah lalu di-mana sa-tiap yang mempunyai nyawa akan berakhir dengan mati dan tidak siapa pun yang boleh melarikan diri-nya dari kejadian yang hebat dan ngeri ini. Firman Allah; dalam Surah Al-Ankabut ayat 57 yang bererti: *Tiap2 yang berjiwa akan mati.*

Sa-sudah mati maka suatu peristewa lagi yang wajib di-yakini oleh orang Islam ia-lah kehidupan akhirat, di-mana sa-tiap makhlok akan di-hidupkan dan di-bangkitkan kembali. Kehidupan akhirat ini ada-lah suatu perkara yang pasti akan terjadi dan tidak boleh di-ragukan. Walau pun ia-nya belum ada bokti yang nampak di-mata kita. Tetapi Allah telah menerangkan di-dalam kitab-Nya Surah Al-Haj ayat 7 yang bermaksud: *Sa-sunggoh-nya kiamat (kebangkitan) itu pasti terjadi tidak ada keraguan pada-nya dan bahawa sa-sunggoh-nya Allah akan membangkitkan orang yang di-kubor.*

Kita sering mendengar ada orang berkata "Alang-kah untong kita dapat hidup dua kali sedangkan mati hanya sa-kali sahaja. Tetapi tahu-kah kita yang keuntongan itu hanya-lah bagi orang yang mempunyai amal saleh (baik) dan sa-balek-nya rugi dan chelaka bagi mereka yang melakukan kejahatan. Allah dan Rasul-Nya berulang-ulang kali mengingatkan di-dalam Al-Kor'an dan Hadith supaya manusia jangan berlaku ingkar. Tetapi manusia maseh memekakkan telinga dan membutakan mata-nya bahkan lebeh banyak lagi perkara2 burok di-lakukan mithal-nya: penginyayaan, penindasan, pembunohan dan ada yang hidup senang lenang dengan harta2 yang di-perolehi sachara tidak halal dan bermacham-macham lagi. Maka dengan ada-nya perbuatan ini wujud-lah manusia yang terinyaya, tertindas dan sa-bagai-nya. Oleh itu kalau-lah hidup hanya sa-kali sahaja maka sudah tentu Tuhan Penchipta Alam ini tidak berlaku adil. Tetapi ketahui-lah Tuhan Bersifat Adil dan Bijaksana. Maka dengan keadilan dan kebijaksanaan-Nya-lah kita di-hidupkan sa-mula, dengan tujuan untok menghimpunkan semua manusia dan pengiraan dan pembalasan terhadap pekerjaan kita di-dunia akan di-jalankan dengan penoh terator dan rapi.

Dan kalau-lah hidup hanya sakali, sudah tentu orang2 yang melakukan penginyayaan, penindasan yang mewah dengan harta2 yang tidak halal, berpangkat dan kedudokan yang di-perolehi dengan chara tidak wajar akan terasa beruntong dan berbahagia kerana terlepas dari azab Allah. Tetapi ingat-lah, sedar-lah yang mana Allah tidak akan melupakan apa jua yang pernah di-buat oleh hamba2-Nya di-dunia ini walau sa-besar biji sawi sekalipun. Firman Allah dalam Az-Zilzal ayat 7—8 yang bermaksud: *Barang-siapa yang mengerjakan kebaikan sa-besar zarah pun neschaya dia akan melihat balasan-nya. Dan barang-siapa yang mengerjakan kejahatan sa-besar zarah pun neschaya dia akan melihat balasan-nya pula.*

Maka beringat-lah sa-belum kejadian ini berlaku. Kerana manusia bertabiat hanya akan menyesal dan meminta pertolongan sa-telah dalam keadaan yang sempit dan susah. Firman Allah yang bermaksud kira2: *jangan sampai ada yang mengeloh ketika melihat siksa dengan berkata: alang-kah baik-nya sa-kira-nya aku kembali hidup di-dunia maka aku pasti akan berbuat baik sahaja (mendengar kelohan itu Tuhan berkata) tidak mungkin engkau akan di-kembalikan hidup ka-dunia sebab sa-lama hidup di-dunia sudah sampai kapada mu ayat2 Ku lalu engkau mendustakan, engkau menyombong dan engkau tetap menolak-nya*". Az-Zumar 58—59.



## Majlis Pengislaman

KAMPONG BUKIT. — Satu majlis pengIslaman bagi tiga orang puak Dusun telah di-langsongkan di-rumah Awang Mohd Taib bin Abdullah di-sini pada 27hb Disember yang baru lalu. (Lihat gambar atas — ehsan dari JHEU).

Mereka itu ia-lah Awang Mastenoh bin Minggu, 37 tahun kini di-kenali sa-bagai Aimy Masroney bin Mohd Taib, Awang Tahil bin Beruang, 18 tahun telah memileh nama Islam-nya sa-bagi Musa bin Abdullah, manakala Awang Mohsin bin Yutong, 17 tahun di-kenali sa-bagai Rhomayaney Mohsin bin Abdullah.

Mereka itu masing2 melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Awangku Yusof bin Pg Kula, Pg Mohammad bin Pg Haji Abd Rahman dan Awang Haji Abd Wahab bin Mohammad.

Turut hadhir di-majlis itu termasok-lah Penolong Pegawai Daerah Tutong Awang Adnan bin Haji Hanafiah, Kadhi Daerah Tutong Awang Haji Bolhassan bin Haji Md Jair, Pegawai2 Ugama, Pegawai2 kanan Kerajaan.

## Majlis meraikan saudara baru

Sementara itu satu majlis meraikan saudara baru Islam Dayang Norlilawati bte Abdullah telah berlangsong pada 29hb Disember bertempat di-rumah Awang Ramli bin Hisham di-Kampong Tanjong Maya. Terdahulu dari itu Dayang Norlilawati telah melafadzkan ikrar Islam-nya dalam satu majlis yang berlangsong di-Pejabat Ugama Tutong baru2 ini.

Turut hadhir di-majlis itu termasok-lah Penolong Pegawai Daerah Tutong Awang Adnan bin Haji Hanafiah, Kadhi Daerah Tutong Awang Haji Bolhassan bin Haji Md Jair dan Pegawai Ugama, Pengiran Mohammad bin Pg Haji Abd Rahman bagi pehak Penguasa Penerangan dan Tabligh Brunei. Mereka juga masing2 telah beruchap di-majlis tersebut.

Di-samping itu beberapa orang pegawai2 kanan Kerajaan dan Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama serta pendudok sekitar telah juga hadhir.

Antara lain achara di-majlis itu termasok-lah menunaikan sembahyang fardhu Maghrib berjemaah bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an dan berdikir. Tayangan wayang gambar dari Bahagian Penerangan dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei telah juga di-adakan.

## Bingkisan minggu ini

# PEGANGAN HIDUP

PERNAH-KAH kita memikirkan apa akan terjadi pada sa-buah kapal jika ia tidak mempunyai kemudi? Ataupun, dalam pelayaran tiba2 kemudi-nya rosak dan tidak boleh di-gunakan lagi? Tentu-lah haluan kapal itu tidak menentu. Ia akan berubah mengikut suasana dan keadaan, sa-kejap ka-kiri dan sa-kejap pula ka-kanan dan akhir-nya tak sampai ka-matalamat yang di-tuju.

Chuba pula kita bandingkan dengan diri kita; apa akan terjadi jika kita tidak mempunyai pegangan hidup, yang bakal mengemudikan kehidupan kita? Tentu-lah tak ubah bagai kapal yang tidak berkemudi. Tak tentu arah tujuan dan chuma mengikut suasana dan keadaan; kalau angin kuat bertiup dari sa-belah kiri maka akan ka-kiri-lah kita. Begitu juga sa-balek-nya, kalau 'angin' kuat bertiup dari sa-belah kanan, maka kita akan menuju ka-kanan. Begitu-lah sa-terus-nya.

Adapun pegangan hidup yang boleh memandu kehidupan kita itu ia-lah segala ajaran2 Ugama Islam. Kita berpegang tegoh dengan sa-tiap ajaran2-nya mengikut apa2 yang di-suroh dan meninggalkan apa2 yang di-larang. Kalau kita berjaya berbuat demikian, maka sudah tentu kita akan berjaya menuju ka-suatu matalamat yang kita chita-chitakan, ia-itu hidup bahagia di-dunia dan juga di-akhirat.

Sa-tengah2 orang ada menganggap bahawa segala surohan itu ada-lah menyusahkan dan segala tegahan itu ada-lah mengongkong kehendak hati. Anggapan ini ada-lah salah, sebab sa-tiap surohan yang kita kerjakan itu ada-lah untok kebaikan kita jua. Kita yang buat kita yang dapat ganjaran-nya. Bayangkan saja kalau kita ada sa-bidang tanah, kemudian kita usahakan tanah tersebut dengan berbagai-bagai tanaman. Tentu-lah di-suatu ketika kita akan merasai hasil usaha kita itu.

Begitu juga dengan sa-tiap larangan, ada hikmat yang tak sampai ka-pangkuan kita untok memikirkan-nya. Kalau kita meninggalkan-nya, kita jua yang beruntong kerana terselamat dari sa-suatu yang tidak di-ingini di-samping kita mendapat ganjaran yang baik dari Allah s.w.t.

Chuba kita tanya pada diri sendiri, apa-kah kita mahu menggunakan sa-suatu yang mendatangkan faedah buat diri kita? Tentu-nya kita mahu sebab ia ada-lah untok kebaikan diri sendiri. Dan sa-suatu yang memandu kita arah kebaikan itu ada-lah sa-suatu yang perlu di-ikuti dan di-pergunakan. Dan kalau kita lalai dan engkar kita sendiri jua yang rugi.

Dalam hal ini kita ambil chontoh yang mudah; kereta mithalan-nya, kita membeli kereta ada-lah dengan tujuan untok di-pergunakan bagi keperluan sa-hari2. Apa hal-nya kalau kita membeli kereta chuma untok di-taroh saja tanpa di-gunakan? Tentu-lah sa-kurang2-nya merugikan dari segi penggunaan-nya sebab kita membeli kereta tersebut dengan menggunakan wang yang banyak tapi tidak di-gunakan kemudahan2-nya.

Sama jua hal-nya dengan apa yang di-sebutkan tadi. Kita telah di-beri pegangan hidup bagi mengemudikan kehidupan kita, tapi kita tidak menggunakan-nya. Tentu-lah kita tergulong ka-dalam gulongan orang2 yang rugi di-samping hidup kita tidak berpeduman.

Oleh yang demikian, jika kita tidak mahu hidup yang terumbang-ambing, tak berpeduman, dan tidak pula ingin termasok ka-dalam gulongan orang2 yang rugi kerana kelalaian menggunakan sa-suatu yang berfaedah, maka hendak-lah kita awal2 lagi mengubah sikap dan pendirian kita ia-itu dari yang lalai dan engkar kapada taat menjunjong perentah. Mudah-mudahan dengan itu kita akan berjaya menuju ka-matalamat kebahagiaan di-dunia dan juga di-akhirat.

Firman Allah ayat 43 Surah Az-Zukhruf bermaksud: "*Maka berpegang tegoh-lah kamu kapada ugama yang telah di-wahyukan kapada mu. Sa-sunggoh-nya kamu berada di-atas jalan yang lurus*".

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 9hb Januari, 1980 hingga ka-hari Selasa 15hb Januari, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini:

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 9hb Jan | 12.33 | 3.52 | 6.29 | 7.42 | 4.59 | 5.13 | 6.31 |
| 10hb Jan | 12.33 | 3.52 | 6.29 | 7.42 | 4.59 | 5.14 | 6.31 |
| 11hb Jan | 12.35 | 3.55 | 6.31 | 7.43 | 5.01 | 5.16 | 6.33 |
| 12hb Jan | 12.35 | 3.55 | 6.31 | 7.43 | 5.01 | 5.16 | 6.33 |
| 13hb Jan | 12.35 | 3.55 | 6.31 | 7.43 | 5.01 | 5.16 | 6.33 |
| 14hb Jan | 12.35 | 3.55 | 6.31 | 7.43 | 5.01 | 5.16 | 6.33 |
| 15hb Jan | 12.35 | 3.55 | 6.31 | 7.43 | 5.01 | 5.16 | 6.33 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

## intisari RTB minggu ini



CORAL Jungle — Pengembaraan2 Di-Dasar Lautan — Ben (atas) dan Eva Cropp menjelajahi keindahan dan misteri "The Coral Jungle", siri2 istemewa yang mengambil masa salama satu jam. Ben ada-lah salah sa-orang jurugambar dan pengembara di-dasar lautan yang paling terkemuka di-dunia. Dan isteri-nya sama2 mengikuti ekspedisi ini melalui kawasan Great Barrier Reef di-Australia, memberikan penunton2 melihat segala2-nya dari ikan2 paus hingga-lah ka-beberapa jenis penghidupan laut yang menakjubkan. Episod pertama dalam siri ini akan di-tayangkan pada hari Selasa jam 9.25 malam.

## The Girls of the Pleasure Island

DALAM musim bunga, 1945, dan Perang Dunia Kedua hampir tamat. Roger Halyard, sa-orang lelaki Inggeris tinggal di-pulau karang Laut Selatan bersama2 dengan tiga orang anak gadis-nya—Gloria, Hester dan Violet—dan Thelma, orang gaji-nya telah memelihara gadis2 ini sejak mereka kechil lagi. Penghidupan yang indah dan sederhana ini menjadi begitu membosankan, oleh kerana gadis2 ini tidak pernah bergaul dengan kaum lelaki hingga-lah pada satu hari Halyard di-beritahu bahawa sa-ramai 1500 orang U.S. Marine di-jangka tiba untok mendirikan satu pengkalan udara di-pulau ini! Apa-kah reaksi Halyard tentang berita ini ? Berbagai kesah menarek terjadi, sama2-lah kita saksikan tayangan-nya nanti pada hari Sabtu ini dalam filem yang bertajok The Girls of the Pleasure Island.

## BETZI — tajok drama minggu ini

BETZI — ia-lah tajok drama minggu ini yang akan di-siarkan pada hari Ahad jam 9.30 malam.

Kesah ini berlaku dalam tahun 1815, berikutan dengan pelarian-nya dari Elba, dan sa-kembali-nya berkuasa buat seketika, Napoleon terbuang beribu2 batu dari Peranchis di-Puala St. Helena, jauh di-Atlantik Selatan.

Ia menghadapi kesukaran dalam pembangunan ini dan ini di-tambah pula dengan sekatan2 yang di-kenakan ka-atas-nya oleh British Governor General Sir Hudson Lowe.

Satu2-nya yang menggembirakan ia-lah persahabatan-nya dengan Betzi, sa-orang gadis yang baru berusia 15 tahun yang di-gilakan-nya.



SA-BUAH ranchangan baru "Majallah Ugama" terbitan dari Bahagian Ugama dan Daawah Bahagian Melayu Radio Brunei akan di-siarkan mulai minggu ini. Ranchangan ini memuatkan berbagai2 aktibiti2 perkembangan Ugama Islam di-tanah ayer.

Dalam gambar atas kelihatan wakil Majallah Ugama sedang menemuramah salah sa-orang gadis China yang telah memelok Ugama Islam baru2 ini di-rumah Awang Iring di-Kampong salambigar jalan Muara.





RANCHANGAN "TETAMU MINGGU INI" sa-buah ranchangan mingguan terbitan Bahagian Melayu Radio Brunei, menjadi kegemaran ramai, khas-nya muda mudi dewasa ini. Sa-tiap minggu penerbit ranchangan menggundang peminat2-nya sambil menemuramah kegiatan2 sa-harian dan seterus-nya memainkan lagu2 untok hiboran.

Dalam gambar ini, sa-orang peserta dari Kampong Long Mayan Tutong, Dayang Rohaidah bte Kinchai menjadi tetamu penerbit-nya, Md Ali Majid.

Ranchangan Tetamu Minggu Ini, di-siarkan Tiap2 Hari Selasa, jam 1.00 tengah-hari dan ulangan-nya tiap2 malam Khamis, jam 9.30 malam.

## Pemenang "Apa Pendapat Awda"

BERIKUT ini ia-lah sekerip yang mendapat tempat pertama dalam ranchangan "Apa Pendapat Awda" yang telah di-siarkan pada 2hb Januari yang lalu.

Tajok yang di-utarakan ia-lah "Asohan dan didekan anak2 ada-lah puncha utama dalam membentok peribadi dan akhlak yang baik" yang di-tulis oleh Awang Shahri bin Haji Metali, No. 38, Kampong Saba Darat 'A', Brunei.

ANAK2 ada-lah amanah dan petaroh Allah kapada ibubapa, penjaga dan masharakat umom yang paling berharga sekali dalam hidup ini. Sa-orang anak, mithal-nya, akan sentiasa terdedah kapada berbagai2 pengaroh yang baik dan burok. Jesteru itu hati anak yang suchi itu perlu-lah di-didek dan di-asoh dengan jalan memberi pengajaran pendidekan dan latehan2 yang sempurna untok memperolehi peribadi dan akhlak yang baik, luhor dan mulia agar terhindar daripada mempunyai sifat yang burok dan hina.

Asohan dan didekan yang baik, sama ada sa-chara langsong atau tidak ada-lah mustahak dalam membentok generasi kanak2 supaya dapat hidup berdisiplin, bertata-susila serta berdedikasi di-samping berilmu dan berugama. Sa-orang anak, perlu-lah di-ajar bagai mana bersembahyang, membacha ayat2 suchi Al-Kor'an, menchintai kesihatan, pendidekan jasmani dan rohani, perasaan dan amalan2 praktik di-samping mengajar chara hidup bermasharakat, berkebudayaan chara pergaulan dan sa-bagai-nya.

Ibubapa, guru2 dan orang2 yang sentiasa berdampingan rapat dengan jiwa kanak2, patut-lah memperaktikkan perkara di-atas agar hidup merka di-masa akan datang bermoral tinggi, bersopan santun sa-chara keIslaman, tingkah laku perbuatan yang baik sa-hingga hidup ini penoh kesuchian dan keikhlasan. Tidak memusohi ibubapa, masharakat, negara dan ugama mereka.

Kesimpulan-nya, sifat dan jiwa anak2 yang mudah di-lentur itu, perlu-lah di-tanamkan dengan pendidekan yang sempurna dan berguna sejak dari permulaan umor-nya kerana bagaimana bentok atau chorak pendidekan itu, begitu-lah dewasa-nya nanti.

Untok pengetahuan Awda tajok Apa Pendapat Awda keluaran minggu akan datang ia-lah :

"SESUAIKAH KAUM WANITA KITA MENUNTUT PERSAMAAN HAK DENGAN KAUM LELAKI"

Tarikh tutop untok menerima pendapat, ia-lah hari Isnin 14hb Januari, 1980 jam 2.0 petang. Hantar-lah Pendapat Awda ka-alamat : —

PENERBIT,
APA PENDAPAT AWDA
BAHAGIAN MELAYU
RADIO BRUNEI,
BRUNEI.



THIS week on the programme Brunei Graduates, we feature Ak Abdul Ghani bin Pg Ha Metussin (above).

Ak Ghani, an Information Officer in Information Section State Secretariat, Bandar S Begawan, hold B.Sc (Hon) Sociology from Kingston Polytechnic, United Kingdom.

The programme will broadcast tomorrow, 10th January at 12.45 p.m. and in c you miss the first broadcast, tu in on Sunday 13th January 8.00 p.m.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 9HB JAN.

PETANG
5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "All Our Yesterdays" Capt. Kirk, Mr Spock dan Dr McCoy terperangkap di-masa lalu yang mana jika mereka kembali ka-zaman kini bererti kematian.
6.29 AZAN MAGHRIB
6.33 STAR TREK — sambongan.
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM
7.10 BEWITCHED — "Cousin Serena Strikes Again" — Bahagian kedua. Darrin menjadi chemas apabila sa-orang pelanggan yang bernilai satengah juta dollar berubah menjadi sa-ekor monyet.
7.36 WHO PAYS THE FERRYMAN ? — "The Well" Sa-orang lelaki Inggeris yang datang menolong di-kampong yang kekurangan ayer rupa2-nya ada-lah sa-orang pembunoh yang sedang melarikan diri.
7.42 AZAN ISHA
7.46 WHO PAYS THE FERRYMAN ? — sambongan
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 VAL DOONICAN MUSIC SHOW
9.55 ROAD TO MOSCOW
10.40 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 10HB JAN.

PETANG
5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 BIG BLUE MARBLE
6.27 DR WHO — "The Seeds of Doom" Bahagian kelima.
6.29 AZAN MAGHRIB
6.33 DR. WHO — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM
7.10 HIDAYAT
7.36 CENTENNIAL — "Only Rocks Live For Ever"
7.42 AZAN ISHA
7.46 CENTENNIAL — sambongan
8.30 WARTA BERITA
8.45 DUNIA MINGGU INI
9.55 TAYANGAN GAMBAR MELAYU
11.15 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 11HB JAN.

PETANG
5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 FAMILY CLASSICS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 UNDER THE SAME SUN
6.27 MUPPETS — "Laretta Lyn"
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 MUPPETS — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM
7.10 ANIMAL WORLD — "Our Vanishing Wildlife"
7.36 THE DONNIE AND MARIE SHOW
7.43 AZAN ISHA
7.47 THE DONNIE AND MARIE SHOW — sambongan
8.30 WARTA BERITA
8.45 PERUBATAN
9.15 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
10.05 HAWAII FIVE 'O' — "A Touch Of Guilt" Sa-telah di-tikam dengan keadaan yang parah sekali, sa-orang bintang bolasepak sa-buah kolej di-bawa ka-hospital oleh dua orang bintang lain dalam pasokan ini, dan ini memerlukan penyiasatan Five O yang melibatkan anak lelaki sa-orang Senator Amerika Sharikat yang terkenal.
10.55 SHADOWS OF FEAR — "Sugar and Spice"
11.45 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 12HB JAN.

PETANG
5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 KUM KUM — "The Rainbow Fish" Kanak2 sedang menangkap ikan apabila salah sa-orang dari mereka dengan seronok sekali mengatakan yang ia terlihat sa-ekor ikan besar yang bersinar saperti pelangi.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM
7.10 DOKUMENTARI MELAYU — "Predators of the Sea" Bahagian kedua.



SALAH satu adigan dalam filem "The Girls of Pleasure" yang akan di-tayangkan pada malam Sabtu jam 10.45 malam.



GAMBAR atas kelihatan Jack Hedley yang berlakun sa-bagai Alan Haldane bersama Maria Sokali sa-bagai Elena Vassilakis dalam "The Well" episod ke-enam dalam siri Who Pays The Ferryman ? siri thriller romantik yang di-lakunkan di-Crete dan akan di-tayangkan pada malam ini jam 7.36 malam.

Dalam bahagian kedua ini, satu soalan yang membangkitkan provokasi akan menyebabkan semua penunton2 yang berkenaan tertanya2 akan kandongan-nya. Soalan itu dapat di-selesaikan dengan menyaksikan tayangan-nya.
7.36 TARGET SII
7.43 AZAN ISHA
7.47 TARGET SII — sambongan
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 KAZ — "Kazinsky vs Bennet" Samuel Bennet bertanding untok menjadi peguam agong, tetapi Kazinski merosakkan peluang bagi-nya untok memasokki jabatan ini.
9.55 BIG LEAGUE SOCCER
10.45 TAYANGAN MALAM MINGGU : "Girls of Pleasure Island"
12.15 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 13HB JAN.

PETANG
5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 AL-KESAH
5.45 READING WITH LENNY
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE GREEN HORNET "The Frog Is A Deadly Weapon"
6.26 SCIENCE INTERNATIONAL
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 SCIENCE INTERNATIONAL — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM
7.10 MIXED BLESSINGS — "Thou Shalt Not Die"
7.36 DUKE
7.43 AZAN ISHA
7.47 DUKE — sambongan
8.30 WARTA BERITA
8.45 MUTIKA
9.30 DRAMA : "Betzi"
11.00 THE NEXT STEP BEYOND — "Other Voices"
11.30 SIARAN TAMAT

## ISNIN — 14HB JAN.

PETANG
5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — "The Stranger"
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 THE LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM
7.10 POSITIVE SOCCER
7.36 PETROCELLI — "Death In High Places" Satu kemalangan kapalterbang di-padang pasir Southwest menyebabkan kematian hartawan Sam Horton dan pemandu-nya, Al Smiley, yang di-dapati di-sebabkan oleh letupan bom.
7.43 AZAN ISHA
7.47 PETROCELLI — sambongan
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 PUSPARAMA
9.55 LOU GRANT — "Pills"
10.45 LIFELINE
11.45 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 15HB JAN.

PETANG
5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 VISION ON
6.27 BATTLE OF THE PLANETS — "Prisoners in Concert"
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 BATTLE OF THE PLANETS — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM
7.10 SERBA SERBI
7.36 CLIFFHANGERS
7.43 AZAN ISHA
7.47 CLIFFHANGERS — sambongan
8.30 WARTA BERITA
8.45 ARENA SOKAN
9.25 DOC : THE CORAL JUNGLE "The Incredible Dolphins" Ikan lumba2 dari tempat asal mereka di-beri pelajaran dan di-lateh menjadi bintang dalam pertunjokkan di-ayer.
10.15 THE PROFESSIONALS
11.05 SIARAN TAMAT.

## PERUNTOKAN TAHUN 1980:

# BRUNEI TERUS MEMBANGUN

**BERIKUT ia-lah sambongan uchapan minggu lalu oleh Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee, ketika membentangkan Rang Undang2 Perbekalan Negara bagi tahun 1980, di-Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Musim Permashuaratan Ke-17 (Belanjawan) yang telah di-langsongkan di-Dewan Majlis pada 7hb Safar, 1400 bersamaan dengan 27hb Disember, 1979, yang baru lalu — Pengarang.**

KETIKA saya beruchap dalam Majlis ini di-tahun lalu, saya telah meramalkan bahawa pada penutop tahun 1979 akan terdapat satu baki dalam Kira2 Hasil Yang Di-Satukan yang berjumlah kurang-lebeh $7,956 juta. Dalam pada itu, perbelanjaan ada-lah kurang daripada yang telah di-jangkakan, terutama sekali oleh kerana dalam menyediakan anggaran2, peruntokan kewangan ada-lah di-buat untok semua jawatan2 yang di-benarkan dalam perjawatan tetapi untok mengisi kesemua-nya telah ternyata tidak mungkin di-laksanakan. Di-samping itu pula terdapat kenaikan2 dalam harga minyak dalam tahun tersebut maka dari itu hasil pendapatan dari sumber tersebut ada-lah lebeh besar dari yang telah di-anggarkan. Lantarkan itu maka baki kredit yang di-anggarkan dalam kira2 tersebut pada hujong tahun ini sa-harus-nya-lah dalam lingkongan $8,828 juta.

Di-sa-panjang tahun 1980, ada-lah di-anggarkan bahawa perbelanjaan akan berjumlah $987 juta dan di-samping itu pula, sa-banyak $250 juta, yang mana akan saya sentoh kemudian nanti, telah di-pindahkan kapada Kumpolan Wang Kemajuan. Hasil pendapatan pula sa-patut-nya-lah berjumlah $4,491 juta yang demikian pada penutop tahun 1980, lebehan hasil pendapatan sa-harus-nya-lah berjumlah $3,254 juta dan jumlah yang terdapat pada sa-belah kredit Kira2 Hasil Yang Di-Satukan sudah sa-patut-nya-lah sa-banyak $12,082 juta. Dengan latar belakang kewangan sa-demikian, maka tidak-lah perlu untok menchari chara2 atau pun usaha2 untok mengimbangi belanjawan meskipun demi kepentingan pengurusan ekonomi negara yang sehat maka akan senantiasa timbul keperluan supaya mempastikan bahawa perbelanjaan tidak akan membazir atau pun tidak menimbolkan munafaat, tetapi perbelanjaan negara itu hendak-lah untok kebaikan bersama. Ka-arah ini sa-buah jawatankuasa yang terdiri dari Ahli2 Mashuarat ini telah di-lantek oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan, untok meneliti permohonan2 bagi perbelanjaan dalam tahun 1980 yang di-kemukakan oleh jabatan2. Perkara ini telah pun terlaksana dan saya ingin memberikan pujian kapada Ahli2 Berhormat yang berkenaan atas chara mereka menyelenggarakan tugas yang memakan masa yang agak lama itu. Hasil2 usaha mereka itu ada terkandong dalam Anggaran2 Hasil dan Perbelanjaan untok tahun 1980 yang mana telah di-bentangkan di-atas meja sa-bagai Kertas Persidangan Bil: 1 tahun 1979.

Ahli2 Yang Berhormat akan dapati bahawa chorak perbelanjaan tahun ini ada-lah bersamaan dengan yang terdapat di-tahun2 yang lalu dengan penambahan2 dalam kebanyakan jabatan yang melebehi anggaran2 tahun 1979 dengan chara yang berbeza-beza ia-itu di-antara 1.3 peratus hingga 43.02 peratus. Dalam pada itu pula ada terdapat pengurangan2 dalam lain2 jabatan yang dengan demikian kenaikan sa-chara menyeluroh ka-atas belanjawan yang berulang-ulang ia-lah sa-banyak 0.41 peratus sahaja. Kenaikan2 itu membayangkan kos2 yang sa-makin meningkat, tetapi lebeh utama-nya ada-lah di-sebabkan oleh perkembangan dalam perkhidmatan2 yang menimbolkan keperluan bagi mengadakan perbelanjaan khas yang tidak berulang-ulang. Beberapa buah jabatan tertentu telah menchapai paras optima dalam pengendalian mereka, maka dari itu tambahan2 tahunan ada-lah merupakan suatu penunjok yang sa-benar-nya terhadap kenaikan kos bagi menyelenggarakan jabatan2 itu. Di-lain2 jabatan pula, pembelian di-tahun2 lalu bagi barang2 modal yang tidak akan perlu di-ganti untok beberapa ketika lama-nya telah mengakibatkan sa-olah2 satu penjimatan dalam kos penyelenggaraan jabatan2 itu di-sa-panjang tahun berikut-nya.

Meskipun perbelanjaan bagi kepentingan keselamatan negara terus memerlukan peruntokan yang paling besar jumlah-nya dalam belanjawan, namun ini tidak-lah menimpakan apa2 kekurangan kapada lain2 perkhidmatan. Dalam tahun 1980 jumlah wang yang di-peruntokkan kapada Askar Melayu Diraja Brunei berserta dengan chawangan2 laut dan udara-nya menunjokkan satu penjimatan sa-banyak 22 peratus tetapi ini bukan-lah di-sebabkan oleh sa-barang pemotongan atau pengurangan dalam keperluan2 pertahanan negara tetapi terutama-nya ia-lah kerana perbelanjaan yang tinggi bagi bangunan2 dan peralatan ada-lah tidak berulang-ulang tahun demi tahun.

Dalam semua perkhidmatan2 yang lain Kerajaan telah pun bertungkus-lumus pada mempastikan supaya jabatan2 yang bersesuaian di-permodenkan dan di-jadikan lebeh chekap lagi pengendalian-nya. Dalam banyak jabatan ada terdapat perkembangan yang agak besar dan ada-lah suatu perkara yang patut di-puji terhadap chara dengan mana permintaan2 bagi mengadakan sistem2 baru yang lebeh "elaborate' itu boleh di-penohi sementara mengendalikan-nya sa-chara berturutan dengan sistem yang lama.

Sekarang beralih kapada soal kemajuan, tahun 1979 ada-lah merupakan tahun yang terakhir sekali bagi Ranchangan Lima Tahun Kemajuan Negara yang ketiga dan usaha2 telah di-lipat-gandakan untok menyiapkan sa-bilangan projek2 dalam tempoh yang telah di-tentukan itu. Peri berkesan-nya ranchangan kemajuan tersebut akan menjadi satu tajok bagi sa-buah laporan yang berasingan kemudian nanti.

Di-tahun lalu pada ketika ini ada-lah di-jangkakan bahawa perbelanjaan dari Kumpolan Wang Kemajuan akan berjumlah Br$183.6 juta juga dan baki yang terdapat di-sebelah kredit kira2 kumpolan Wang itu pada 31hb Disember 1979 akan berjumlah Br$76.9 juta. Perbelanjaan ka-atas projek2 kemajuan, mahu tak mahu, telah ketinggalan di-belakang jumlah2 yang di-anggarkan dan untok mana wang peruntokan telah di-sediakan. Ini ada-lah oleh kerana kerja2 permulaan bagi kajian dan reka-bentok tidak dapat di-mulakan sa-hingga-lah projek2 itu telah di-luluskan dan kewangan-nya di-adakan. Sa-telah itu, anggaran2 tahunan biasa-nya ada-lah lebeh tinggi daripada yang di-perlukan oleh kerana ada-lah suatu perkara yang boleh di-fahami yang pegawai2 pengawal-nya sangat berhati-hati agar tidak akan menemui satu kedudokan di-mana kerja2 mungkin terkandas lantaran peruntokan yang tidak menchukopi. Oleh kerana anggaran2 ada-lah di-buat kira2 15-18 bulan sa-belum hujong tahun yang di-tentukan mereka dengan penoh harapan menduga bahawa kemajuan2 mungkin terchapai dalam tempoh tersebut dan banyak dari kelambatan2 kerja itu tidak-lah dapat di-jangka akan berlaku-nya. Oleh sebab itu sekarang nampak-nya perbelanjaan akan berjumlah Br$110 juta dan baki dalam kumpolan wang itu pada penutop tahun sa-harus-nya berjumlah Br$175.6 juta.

Kemajuan yang agak besar telah terchapai dalam projek penanaman padi dengan mana negeri ini akan menjadi kurang bergantong kapada makanan asas sa-demikian yang di-impot dari luar negeri. Kira2 130 ekar di-Kampong 'Panchor Murai/Wasan telah di-tanami dan di-tuai sa-bagai sa-bahagian dari ranchangan perchubaan yang melibatkan penanaman bukan-musim serta penggunaan mesin2 menuai yang berkesan lagi menjimatkan tenaga buroh. Dalam musim menanam padi yang biasa ada-lah di-duga bahawa 600 ekar padi akan di-usahakan. Sa-luas 300 ekar lagi akan di-tanami sa-baik sahaja penyediaan kawasan tanah sawah itu selesai, ia-itu sa-lepas kerja2 meratakan tanah, parit dan tali ayer. Sa-jumlah $9.7 juta bagi tahun 1979 telah di-luluskan, yang sa-bahagian besar-nya untok perbelanjaan modal terhadap penyediaan tanah sawah. Ranchangan ini ada-lah sa-bagai tambahan terhadap usaha2 sa-bilangan penanam2 padi tempatan yang di-berikan bantuan oleh kerajaan dalam bentok baja, rachun serangga dan perkhidmatan2 mesin pertanian. Di-mana keadaan tanah itu memungkinkan dan menguntongkan di-segi ekonomi jika di-kerjakan, maka parit dan tali ayer telah di-adakan.

Dalam bidang pelajaran pula, kemudahan2 utama di-Pusat Tingkatan Enam telah di-siapkan dan guru2 serta para pelajar telah dapat berpindah ka-Pusat yang baru itu untok tahun pengajian 1979 mereka. Dengan siap-nya komplex sokan pada tahun 1980 nanti, maka keselurohan projek itu akan menelan belanja sa-banyak $30 juta. Kerja2 benaan atas untok Sekolah Menengah Sungai Kebun yang bernilai $18 juta telah di-mulakan dengan pemberian kontrek untok Perengkat I — Komplek Pendidekan pada akhir tahun ini. Baki harga ranchangan ini akan di-bawa ka-hadapan dalam ranchangan kemajuan yang akan datang. Kerja ka-atas Sekolah Melayu dan Sekolah Persediaan Inggeris yang bernilai $4 juta di-Sengkarai, Tutong sedang berjalan lanchar. Langkah2 juga telah di-ambil untok memperbaiki dan memperluaskan lagi bidang pelajaran teknikal demi untok melateh belia2 supaya berkhidmat sa-bagai tukang2 yang mahir dan dengan demikian sa-chara sedikit demi sedikit menggantikan tukang2 yang di-datangkan dari luar negeri.

Pembenaan jalan Muara/Jerudong sedang berjalan dengan lanchar dan ada-lah di-harapkan yang bahagian sebelah ini akan dapat di-siapkan awal tahun 1981. Kontrek bagi sebelah Jerudong/Tutong jalanraya tepi pantai ini pula di-jadualkan siap pada akhir tahun 1981. Dengan siap-nya jalanraya ini maka akan terdapat-lah sa-buah jalan lain yang sangat2 di-perlukan untok lalulintas di-antara pelabohan di-Muara dan Tutong, dan ini akan dapat menghilangkan kesesakan jalanraya di-Bandar Seri Begawan. Rangkaian jalanraya utama baik bagi kawasan bandar mahu pun luar bandar juga sedang di-pertinggikan lagi taraf-nya dengan chara meratakan sa-mula permukaan-nya, memperbesarkan, serta memperbaiki lagi keadaan persimpangan2 jalan.

Usaha memperbaiki dan memperluaskan lagi perkhidmatan talikom dalam negeri telah terchapai dengan siap-nya Bangunan Talikom di-Kampong Sumbiling dan beberapa buah ibu2 sawat lain-nya. Perhubongan2 antarabangsa telah di-perbaiki lagi dengan pelancharan Steshen Satelait Bumi di-Telisai dalam bulan September 1979 yang lalu. Panggilan terus-menerus ka-Singapura sekarang boleh di-buat oleh pelanggan2 yang terhad bilangan-nya dan jumlah talian2 telex pula telah bertambah. Panggilan terus-menerus ka-lain2 bahagian di-dunia pula akan di-perkenalkan pada hujong bulan Januari 1980.

Masaalah kekurangan perumahan kakitangan Kerajaan telah berterusan meskipun ada terdapat usaha2 untok meringankan masaalah ini. Lebeh banyak kawasan lagi telah di-bersehkan untok perumahan di-semua daerah dan beberapa buah kontrek membena rumah dan flet telah di-berikan baru2 ini. Pemilekan rumah sendiri oleh pegawai2 rendah sedang di-galakkan dan langkah2 ka-arah ini sedang dalam pertimbangan Kerajaan.

Perengkat II bagi kerja2 asas tapak untok rumah sakit baru di-Kiulap telah siap dan kontrek2 benaan atas untok bahagian blok wad dan bahagian jururawat telah di-berikan. Blok2 wad itu di-jadualkan siap pada tahun 1981 dan bahagian jururawat pula pada akhir tahun 1980. Memandangkan kapada peri bertambah-nya harga2 pembenaan, dan bilangan kemudahan2 tambahan yang di-kehendaki, serta perubahan2 dalam rebakentok bangunan, maka satu tambahan dalam harga ranchangan ada-lah perlu dan ini telah di-sediakan dalam ranchangan kemajuan yang akan datang. Sa-bagai hasil-nya nanti negeri ini akan mempunyai sa-buah rumah sakit moden yang dapat memberikan perkhidmatan2 yang menchukopi keperluan2 untok beberapa tahun lama-nya.

Usaha mengadakan rumah sakit di-Kiulap itu tidak-lah di-buat tanpa menghiraukan keperluan2 bagi kelinik2 luar bandar. Di-samping lapan buah kelinik luar bandar yang telah di-siapkan lebeh awal lagi, empat buah yang lain-nya sedang dalam pembenaan dan akan siap tidak berapa lama lagi.

Perengkat II ranchangan perbekalan ayer Sungai Tutong telah di-siapkan dengan demikian menjadikan keupayaan perbekalan untok Daerah2 Brunei/Muara dan Tutong dari 6.5 juta bertambah menjadi 16 juta gelen sa-hari. Sementara itu kemajuan telah di-chapai dalam kerja2 pembesaran Perengkat II ranchangan Sungai Belait yang akan di-siapkan di-bawah ranchangan kemajuan yang akan datang. Penggunaan ayer bagi sa-tiap orang pendudok negeri ini ada-lah sangat tinggi, tetapi maseh juga terdapat permintaan yang sa-makin bertambah untok kegunaan rumah, perindusterian dan pertanian. Satu kajian awal mengenai dengan sumber2 bekalan ayer yang di-jalankan dalam tahun 1979 akan di-susoli pula oleh penyiasatan rapi terhadap sumber2 bekalan tambahan yang mempunyai kemungkinan2 untok di-usahakan.

Dalam sektor swasta pula, kemajuan yang ketara telah terchapai di-sa-panjang tahun dalam projek ternakan sapi Mc Farm di-Kampong Tungku. Kawasan2 berumput telah pun di-tanami dan kira2 320 ekor lembu jantan dan betina telah di-datangkan dari Negeri Australia.

Kolam2 udang untok maksud2 perchubaan sedang dalam pembenaan sa-bagai sa-bahagian dari Projek Pembiakan Udang di-Temburong dan perkembangan sa-chara besar-besaran akan di-susoli pula.

Ketika ini maseh terdapat kekurangan tempat2 tinggal hotel yang baik yang lantaran keadaan ini telah menghalangi kemajuan di-lain2 kawasan. Bagaimana pun pembenaan sa-buah hotel yang menchapai taraf antarabangsa telah berjalan dengan lanchar-nya dan ini akan dapat melegakan masaalah kekurangan tempat2 penginapan sa-demikian.

Kesesakan di-kawasan2 membeli-belah di-pusat Bandar Seri Begawan telah dapat di-legakan dengan siap-nya komplek2 membeli-belah di-Batu 1, Jalan Tutong dan Gadong. Kekurangan kawasan2 meletak kereta yang terdapat masa ini di-kawasan bandaran akan di-berikan perhatian di-bawah ranchangan kemajuan yang baru yang mana akan menyediakan peruntokan bagi pembenaan tempat penarohan kereta yang bertingkat-tingkat.

Ada-lah suatu perkara yang sangat di-hasratkan supaya perbelanjaan ka-atas projek2 kemajuan tidak akan hilang kepesatan-nya terutama sekali oleh kerana perbelanjaan wang Kerajaan pada kadar yang sama-rata ada-lah satu faktor yang mustahak dalam mensetabilkan ekonomi dalam sektor swasta. Ka-arah ini ranchangan kemajuan lima tahun yang akan datang yang meliputi tahun2 1980-84 sedang di-mulakan tanpa berselang waktu. Projek2 di-bawah ranchangan kemajuan masa ini yang maseh belum di-siapkan telah di-bawa ka-hadapan dengan demikian ranchangan kemajuan baru itu akan merupakan satu keselurohan yang berpaut-pautan.

Ranchangan kemajuan 1980-84 menyediakan perbelanjaan yang berjumlah Br$1,700 juta. Hasrat yang di-chita-chitakan ia-lah untok memajukan lagi seterus-nya semua bidang2 kegiatan Kerajaan. Perhubongan2 melalui jalanraya, laut dan udara yang telah pun sedia di-perkembangkan akan seterus-nya di-perluaskan dan perbaiki lagi. Pelajaran dan Perkhidmatan2 Kesihatan akan menerima faedah dari pembenaan sekolah2 baru, penyiapan rumahsakit baru dan lebeh banyak lagi kemudahan2 yang telah di-adakan di-kawasan2 luar bandar. Begitu juga Talikom, Radio dan Talivishen serta Perkhidmatan2 Pos akan di-perbaiki lagi dan sementara itu pula perkhidmatan2 kemuda[han] umom ia-itu letrik dan b[e]kalan ayer akan di-perluaskan lagi untok memenohi perm[in]taan2 yang sa-makin bertam[bah] dengan chara yang me[n]chukopi. Demi untok me[n]peraneka-jeniskan ekonomi d[an] mengekalkan guna tenaga ya[ng] hampir sa-penoh-nya, ia-itu d[e]ngan chara mengadakan p[e]luang2 pekerjaan, maka sum[ber2] asli pertanian, perikan[an] dan kehutanan akan di-usaha[kan] dan lebeh banyak lagi p[u]sat2 komersial akan di-dirikan. Terdapat juga peruntokan ba[gi] beberapa buah lagi bangunan awam, perumahan dan pem[benaan] sekolah2 ugama d[an] masjid2. Dengan chara [ini] Kerajaan akan berada dala[m] kedudokan yang lebeh baik la[gi] untok menyediakan kemuda[han2] pelajaran, kesihatan da[n] kebajikan untok semua pendu[dok] dan juga untok meningg[i]kan lagi taraf hidup denga[n] mengadakan kemudahan2 da[n] perkhidmatan2 yang di-pelihara dengan chara yang sa-waja[r]nya serta di-bantui oleh tekno[-]logi moden.

Peruntokan sedang di-bu[at] bagi perbelanjaan dari Kumpol[an] Wang Kemajuan dalam t[a]hun 1980 yang berjumla[h] Br$414.3 juta. Butir2 menge[]nai dengan perbelanjaan yan[g] di-chadangkan dalam tahu[n] 1980 itu serta mengenai denga[n] ranchangan2 pada keselurohan[-]nya ada terkandong dalam an[g]garan2 perbelanjaan kemajua[n] untok tahun 1980 yang di-be[n]tangkan dalam persidangan [ini] sa-bagai sa-bahagian dari Ke[r]tas Bil: 1 tahun 1979. Mesk[i]pun jumlah wang ini tida[k] mungkin di-belanjakan s[a]penoh-nya di-tahun hadapa[n] namun ada-lah perlu di-bu[at] peruntokan untok meneruska[n] perlaksanaan ranchangan2 ya[ng] sedia ada dan juga untok m[e]mulakan kerja2 bagi projek baru. Oleh kerana baki yan[g] terdapat di-sebelah kredit kum[]polan wang pada 1hb Janua[ri] 1980 ada-lah di-anggarkan s[a]banyak Br$175.6 juta, mak[a] sa-jumlah Br$250 juta sedan[g] di-sumbangkan kapada kumpo[l]an wang ini sa-bagai satu b[e]tiran perbelanjaan yang di-pe[r]untokkan, dengan hal demikia[n] jumlah wang yang tersedia ak[an] menjadi sa-banyak Br$425 juta. Baki yang akan tingga[l] dalam kumpolan wang ini pad[a] 31hb Disember 1980, oleh yan[g] demikian akan menjadi s[a]banyak Br$11.3 juta.

Dalam tinjauan yang sen[g]kat ini saya telah menchub[a] untok memaalomkan kapad[a] Ahli2 Yang Berhormat meng[e]nai dengan langkah2 yang s[e]dang di-ambil oleh Kerajaa[n] Kebawah Duli Yang Maha M[u]lia Baginda Sultan dan Yan[g] Dipertuan untok mempergun[a]kan kekayaan negeri ini ba[gi] tujuan memperbaiki dan meng[e]kalkan taraf hidup raayat d[an] pendudok negeri ini. Sa-sebua[h] Kerajaan yang kaya-raya i[tu] tidak sa-mesti-nya bererti yan[g] raayat-nya juga kaya, teta[pi] dengan menerusi perkhidmatan sosial dan kebajikan yang ba[ik] serta perchuma, dengan men[g]adakan kemudahan2 umo[m] yang moden serta chekap m[e]nurut segi teknikal-nya, denga[n] memberikan perhatian kapad[a] keperluan2 hidup berugar[] pendudok2-nya, dan mendid[ek] anak2 bangsa supaya mend[u]doki tempat masing2 dalam [sa]buah masharakat yang mod[en] lagi progresif, maka ada-lah [di]harapkan yang bukan saha[ja] kita di-hari ini tetapi anak2 [di] hari esok juga akan dapat me[n]jalani penghidupan yang m[e]muaskan lagi berkebajikan d[a]lam keadaan yang aman d[a]mai dan sentosa.

Dari itu, Pengiran, peram[] ingin mengusolkan supaya Ra[ng] Undang2 yang bergelar "Sa[tu] Undang2 untok memohon [] jumlah wang dari Kumpol[an] Wang Yang Di-Satukan b[agi] perkhidmatan tahun 1980 d[an] bagi memperuntokan juml[ah] wang tersebut bagi maksu[d] yang tertentu" hendak-lah [] bacha untok kedua kali-nya.

# PEMUDA2 DI-PELAWA MEMASOKI PASOKAN PULIS DI-RAJA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Pulis Diraja Brunei mengkehendaki pemuda2 untok memasoki pasokan ini sa-bagai anggota pulis.

Pemohon2 yang berjaya akan menjalani latehan salama enam bulan sa-bagai rekrut di-Pusat Latehan Pulis, Jalan Muara dalam pertengahan bulan Februari depan.

Pemohon2 mesti-lah raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei berumor di-antara 18 dan 28 tahun dan sekurang2-nya 5 kaki 2 inchi tinggi dan berbadan sehat. Kelayakan pelajaran maksima yang di-kehendaki untok memasoki perkhidmatan itu ia-lah lulus Darjah IV Melayu atau Inggeris.

Gaji permulaan bagi sa-orang rekrut ia-lah $325.00 sa-bulan dan di-tambah $100.00 sa-bagai alaon. Sa-telah menamatkan latehan, gaji pokok dan alaon akan di-naikkan kapada $525.00 sa-bulan.

Pemohon2 hendak-lah hadhir untok di-temuduga oleh Pegawai2 pengambilan di-tempat2 dan tarikh berikut :

**Di-Balai Pulis Bandar Seri Begawan** pada hari Isnin 14hb dan hari Selasa 15hb Januari. Temuduga akan di-adakan dari 8.00 dan 2.00 petang.

**Di-Balai Pulis Tutong** pada hari Rabu 16hb Januari mulai jam 8.00 pagi dan **di-Balai Pulis Lamunin** pada hari yang sama mulai jam 2.00 petang.

**Di-Balai Pulis Kuala Belait** pada hari Khamis 17hb Januari, jam 8.00 pagi dan **di-Balai Pulis Seria** pada hari yang sama mulai jam 2.00 petang.

**Di-Balai Pulis Pekan Bangar** pada hari Sabtu 19hb Januari mulai jam 9.00 pagi.

Rombongan pengambilan itu akan berada sekali lagi di-Balai Pulis Bandar Seri Begawan pada hari Isnin 21hb Januari dan hari Selasa 22hb Januari. Temuduga akan di-adakan pada jam 8.00 pagi dan 2.00 petang.

## Kursus Latehan Asas Kerani2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu kursus Latehan Asas Kerani2 Tingkatan III sedang di-jalankan di-Yunit Latehan Perjawatan di-Jalan Kumbang Pasang yang telah bermula pada hari Isnin 7hb Januari dan akan berakhir pada 12hb Januari.

Kursus tersebut telah di-hadhiri oleh sa-ramai 16 orang kerani Tingkatan III dari 16 buah jabatan2 kerajaan.

Sa-panjang kursus yang berjalan sa-lama lima hari itu perserta2 kursus akan di-beri cheramah mengenai tugas2 kerani oleh pensharah2 daripada pegawai2 Yunit Latehan.



YDM Pehin Mejar Haji Hussin



Mejar Pengiran Dato Abidin



Kaptan Othman.

## Pertukaran jawatan kanan AMDB

KAPTAN Othman bin Haji Hasbollah dari Chawangan Udara AMDB kini telah mengambil aleh jawatan sa-bagai Pegawai Pemerentah Kompeni Pentadbiran Batalion Pertama yang telah di-kosongkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Bijaya Dato Paduka Mejar Haji Hussin bin Haji Sulaiman pada 29hb Nobember, 1979 yang lalu.

YDM Pehin Datu Pekerma Bijaya pula sekarang menjawat tugas sa-bagai Timbalan Penolong Turus Agong pasokan itu sa-telah ia-nya di-kosongkan oleh Mejar Pengiran Dato Seri Laila Jasa Abidin bin Pg Ahmad sejak 7hb Disember, 1979.

Pengiran Dato Abidin kini menghadhiri kursus pegawai turus di-Maktab Pegawai Turus Tentera Darat di-Camberley, Surrey, United Kingdom yang telah bermula pada 8hb Januari kelmarin hingga 23hb Nobember, 1980 depan.

## Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 3hb Januari, 1980.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. ASAM GELUGOR — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Haji C. A. Mohamed & Son,
   No. 59 Kampong Sultan Lama.
2. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Sharikat Haji Abdul Rahman,
   No. 94, Jalan Chevalier.
3. MAKANAN AYAM (Untok Anak Ayam) — 50 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Kim Seng Choon,
   No. 91, Jalan Chevalier.

**KUALA BELAIT**

1. ASAM GELUGOR — $4.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   Guan Heng,
   No. 30-C, Jalan Sungai.
2. UBI KENTANG — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Yick Yuen,
   No. 3, Jalan Pretty,
   b) Choo Seng,
   No. 20, Jalan Pretty.
   c) Eng Soong Seng,
   No. 58, Jalan Pretty.
   d) Chin Fatt,
   No. 60-B, Jalan Pretty.
   e) Ng Ming Hong,
   No. 101, Jalan McKerron
3. MAKANAN AYAM (Untok Anak Ayam) — 55 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Yick Yuen,
   No. 3, Jalan Pretty.
   b) Koh Kit Hin,
   No. 28, Jalan Pretty.
   c) Kok Kee,
   No. 60, Jalan Pretty.
   d) Chin Fatt,
   No. 60-B, Jalan Pretty.

**SERIA :**

1. ASAM GELUGOR — $4.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   a) Yuan Ho Hing,
   No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
2. UBI KENTANG — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chin Siong Hin,
   No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Poh Sing,
   No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
3. MAKANAN AYAM (Untok Anak Ayam) — 50 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Chop Siong Yick,
   No. 54, Jalan Bunga Kuning,

## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 9hb hingga 15hb Jan. 1980

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 9.1.1980 | Rabu | 10.00–10.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 9.1.1980 | Rabu | 10.45–11.15 | „ |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 9.1.1980 | Rabu | 11.30–12.00 | T/Hari |
| Kawasan Mesjid, Kampong Sengkurong | 12.1.1980 | Sabtu | 2.00– 3.00 | petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 12.1.1980 | Sabtu | 3.15– 4.15 | „ |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 12.1.1980 | Sabtu | 4.30– 5.30 | „ |
| Kawasan Rumah Penghulu Mukim Serasa, Kampong Serasa | 13.1.1980 | Ahad | 9.00–10.00 | pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Mesjid Lama, Muara | 13.1.1980 | Ahad | 10.15–11.15 | „ |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 13.1.1980 | Ahad | 11.30–12.30 | T/Hari |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 14.1.1980 | Isnin | 3.00– 4.00 | petang |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 15.1.1980 | Selasa | 9.15–10.15 | pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 15.1.1980 | Selasa | 10.30–11.30 | „ |

## *Anggota2 AMDB berkursus di-seberang laut*

BERAKAS. — Lebeh ramai lagi pegawai2 dan anggota2 Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang di-hantar ka-seberang laut untok mengikuti beberapa kursus kemahiran dalam pasokan tentera.

Serjan Matlimin bin Mumin dari Batalion Kedua kini berada di-Singapura untok mengikuti kursus tiga minggu dalam latehan pintas udara di-Sekolah Latehan Pintas Udara Singapura sejak 27hb Disember lepas dan akan berakhir pada 15hb Januari ini.

Berkursus di-Hong Kong ia-lah Kopral Sekina bin Abd Rahman, Kopral Haji Sulong bin Ahmad dan Kopral Apandi bin Hidup kesemua-nya dari Markas Pasokan bagi menjalani kursus Asas Mendaki Gunong yang bermula pada 7hb Januari lalu dan akan berakhir pada 9hb Januari ini.

Sementara beberapa orang yang lain lagi akan menjalani kursus mereka di-United Kingdom yang antara-nya termasok Leftenan Muda Shamsul Hayat bin Mohd Ali dari Pusat Latehan bagi menjalani kursus Kerjaya Terlateh di-Maktab Tentera Diraja Sandhurst, Camberley yang telah bermula pada 7hb Januari lalu dan akan berakhir pada 4hb Julai depan.

Juga di-United Kingdom ia-lah Serjan Zakaria bin Mohd Said dari Pasokan Jurutera Markas Pasokan bagi mengikuti kursus Latehan Bahasa Inggeris mulai 7hb Januari hingga 29hb Februari bertempat di-Perkhidmatan Bahasa Asing Berhad, Southsea, Hants.

Sa-ramai 11 orang pegawai pangkat rendah yang termasok Serjan Salim bin Asmat, Kopral Amjah bin Abdul Rahman dan L/Kopral Mohd Asri bin Mohd Sais dari Batalion Pertama; Serjan Rahman bin A. Damit, Serjan Sabri bin Othman dan Kopral Ismail bin Mohamad dari Batalion Kedua; Serjan Mohd Sani bin Khairuddin dari Chawangan Udara.

S/Serjan Yussof bin Jumat, Kopral Hipni bin Mohammad dan Kopral Tuah bin Haji Ibrahim dari Markas Pasokan serta Serjan Mat Said bin Samboi dari Suadron Perisai Peninjau kesemua-nya akan mengikuti kursus Bahasa Inggeris Seberang Laut mulai 7hb Januari lepas dan akan berakhir pada 23hb Mei depan. Mereka mengikuti kursus tersebut di-Sekolah Bahasa Tentera, RAEC Centre, Beaconsfield.

Berkursus di-Sekolah Ubat-bedil Tentera, Kineton, Temple Herdewyke, Leamington ia-lah Serjan Sharuddin bin Adol dari Logistik Markas Pasokan mulai 7hb Januari hingga 5hb Julai depan.

Dan Serjan Md Yassin bin Ahmad serta Serjan Yunos bin Japar kedua-nya dari Markas Pasokan akan menghadhiri dua kursus yang sama ia-itu kursus Bahasa Inggeris dan kursus Pelateh Isharat.

Dalam kursus Bahasa Inggeris mereka akan mengikuti pada 7hb Januari sahingga 29hb Februari bertempat di-Perkhidmatan Bahasa Asing Berhad, Southsea, Hants.

Dan bagi kursus Pelateh Isharat mereka akan mengikuti pada 3hb Mach hingga 11hb Mei bertempat di-Chawangan Isharat, Sekolah Angkatan Darat, Warminister, Wilts.

## Kursus Praktikal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran, Bahagian Pelajaran Teknikal mempelawa pemohon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok mengikuti Kursus Praktikal bagi memasang batu bata, pertukangan kayu, menchat dan menghias dan membuat perabot.

Sa-tiap pemohon mesti-lah telah tamat Tingkatan II dan berhenti sekolah.

Kursus2 ini akan di-adakan di-Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara salama sa-tahun mulai bulan Februari depan.

Menurut Pengelola Pelajaran Teknikal, Awang J. A. Benyon kursus2 tersebut ada-lah bertujuan untok memberikan latehan asas dalam kemahiran2 pertukangan tersebut bagi membolehkan pelateh2 mendapat pekerjaan. Pelateh2 itu akan di-kehendaki membuat kerja projek dalam masa enam bulan terakhir kursus.

Pemohon2 yang di-pileh mengikuti kursus2 itu akan di-beri alaon sa-banyak $45.00 sa-bulan dan pakaian kerja dan kasut keselamatan akan di-beri perchuma. Di-samping itu alaon sara hidup sa-banyak $45.00 juga akan di-bayar kapada penuntut2 yang tinggal dalam jarak tertentu dari sekolah.

Keterangan lanjut mengenai kursus boleh di-dapati daripada Pengetua Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara sementara borang2 permohonan boleh di-perolehi daripada Pengetua2 Sekolah Teknikal, Sekolah2 Menengah dan Ibu Pejabat Pelajaran.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada Pengetua, Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara tidak lewat dari 21hb Januari, 1980.

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI : 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Dunia Minggu Ini (SU); 8.30 — Permintaan Pagi Rabu; 9.30 — Lagu dan Senikata; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Pilehan Ku; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Hiboran; 11.30 — Autograph Pendengar. T/HARI : 12.00 — Surat Dari London; 12.15 — Senandong Ria — Azan Dzohor; 12.30 — Senandong Ria; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Al-Kisah; 1.30—Sa-Iring Jalan. PETANG: 200.—Siaran Melayu Di-Tamatkan. 5.00 — Untok Belia; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Asli; 6.00 — Mukkaddam — Azan Maghrib (menunaikan sembahyang); 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM : 7.00 — Dalam Kenangan (SU); 7.30 — Dendang Tumasek; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30—Pesta Ria/Suara dari Bintang2 (SU); 9.00 — Majallah Shell (SU); 9.30 — Hiboran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

## KHAMIS

PAGI : 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Rampaian London; 8.15 — Hiboran; 8.30 — Melody Adek ku (SU); 9.00 — Tafsir Al-Koran; 9.30 — Rampai Sari Hiboran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Selingan; 10.30 — Al-Kisah; (SU); 11.00 — Lagu2 Asli Asia; 11.30 — Chitrawara. T/HARI : 12.00 — Lagu2 Panduan (Duty Ann) — Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu-kah Awda; 1.30 — Mari Menyanyi. PETANG : Siaran Melayu Di-Tamatkan; 5.00 Majallah Ugama/Kemuskilan Ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Lagu2 Dakwah; 6.00 — Mukkaddam — Menunaikan Sembahyang Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM : 7.00 — Permainan Gambus; 7.30 — Hidayat — Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Sandiwara Radio (SU); 9.00 — Permintaan Malam Khamis; 9.30 — Tetamu Minggu Ini (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

## JUMAAT

PAGI : 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Pertanian dan Perikanan; 8.30 — Mari Menyanyi (SU); 9.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.30 — Diang Dangan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Soalan Di-Udara; 10.30 — Dari Kampong Ka-Kampong; 11.00 — Kursus Al-Koran; 11.30 Keluarga Jaya. T/HARI : 12.00—Lagu2 Dakwah; 12.15 — Bachaan Al-Koran; 12.30 — Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat; 1.15 — Qasidah; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Permainan Gambus (SU). PETANG : 2.15 — Varia Peristewa; 2.30 — Combo RTB/Sinar Chahaya; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Apa Pendapat Awda; 3.30 — Tafsir Al-Koran—Azan Asar; 4.00 — Bahas Ka-Sekolah; 4.30 — Chitrawara; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mukkadam — Menunaikan Sembahyang Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM : 7.00 — Cherpen dan Salokan; 7.30 — Hiboran; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun (SU); 9.00 — Permintaan Sukaramai; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

## SABTU

PAGI : 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Soalan Di-Udara; 8.30 — Dendang antara Bangsa; 9.30 — Apa Pendapat Awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran; 10.30 — Sa-Iring Jalan (SU); 11.00 — Majallah Shell; 11.30 — Berdendang Dengan Ku. T/HARI : 12.00 — Dunia Mingu Ini — Azan Dzohor; 12.30 — Hiboran Tengah Hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Hujong Minggu. PETANG : 2.00—Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU); 2.30 — Lagu dan Senikata (SU); 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Hiboran Pilehan; 3.30 — Cherpen dan Salokan (SU) — Azan Asar; 4.00 — Bersama Kami; 4.30 — Chitrairama; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 lama; 6.00 — Siri Mukkaddam — Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : 7.00 — Dari Kampong Ka-Kampong (SU); 7.30 — Lagu2 Asli Asia (SU) — Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Purbawara; 9.00 — Tunas Pendidek (SU); 9.30 — Titian Sastera/Budaya Kita; 9.45 — Rampaian Malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

## AHAD

PAGI : 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Dunia Wanita; 8.30 — Pesta Pop Minggu Ini; 9.00 — Teman Mekar; 9.30 — Apa Pilehan Awda; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Titian Sastera/Budaya Kita; 10.30—Pencharagam Tempatan; 11.00—Siswazah Brunei; 11.30—Album Penyanyi. T/HARI : 12.00 — Sandiwara Radio—Azan Dzohor; 12.30 — Hiboran Rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Suara Bintang/Pesta Ria; 1.30 — Ruangan Ketani; 1.45 — Pilehan Instrumental. PETANG : 2.00 — Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun — Azan Asar; 3.45 — Sokan dan Olahraga; 4.15 — Dari Sekolah Ka-Sekolah; 4.45 — Pilehan Juruhebah; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mari Berzikir; — Azan Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini (SU). MALAM : 7.00—Suara Parajurit— Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Gurindam Jiwa; 9.00 — Tahu-kah Awda (SU); 9.30 — Permintaan Sukaramai; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi; 10.07 — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

## ISNIN

PAGI : 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Dalam Kenangan; 8.30—Rampai Sari Hiboran; 9.00 — Antara Bangsa; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang Dengan Ku; 10.30 — Sains dan Perusahaan; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Bingkisan Tanah Ayer. T/HARI : 12.00 — Komintar Radio; 12.15— Rampaian Tengah Hari — Azan Dzohor; 12.30 — Rampaian Tengah Hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Sukaramai; 1.30 — Tunas Pendidek. PETANG : 2.00 — Siaran Melayu Berhenti Rehat. 5.00 — Keluarga Si-Awang; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita 5.45 — Senandong Lagu2 Lama; 6.00 — Mukkaddam — Menunaikan Sembahyang Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM : 7.00 — Penyanyi Harapan; 7.30 — Bersama Kami (SU)—Azan Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita— Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Chitra Irama; 9.00 — Pertanian dan Perikanan; 9.30 — Dendang Muzika Melayu; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

## SELASA

PAGI : 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Suara Parajurit (SU); 9.00 — Permintaan Untok Wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London; 10.30 — Melody Adek-ku; 11.00 — Salam Mesra; 11.30 — Sekolah Ka-Sekolah. T/HARI : 12.00 — Ku Sampaikan Salam — Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00— Tamu Minggu Ini; 1.30 — Gurindam Lagu (SU). PETANG : 2.00 — Siaran Melayu Berhenti Rehat. 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran Petang; 6.00 — Mukkadam — Menunaikan Sembahyang Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM : Ruangan Ketani (SU); 7.30 — Album Penyanyi (SU) — Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30— Pancharagam; 9.00 — Dunia Wanita (SU); 9.30 — Hiboran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi— Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

## APA PILEHAN AWDA



PESERTA yang akan di-undang untok memileh lagu2 dalam ranchangan Apa Pilehan Awda minggu ini ia-lah Dayang Latifah binte Osman, No. 24, Kampong Tamoi Tengah, Bandar Seri Begawan (gambar atas).

Lagu2 pilehan Dayang Latifah akan dapat awda ikuti pada hari Ahad, 13hb Januari jam 9.30 pagi.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Lunch Music. NOON : 12.00 —Melody Time. PM : 12.30 — News; 12.45 — The Big Band Sound of the RTS Orchestra; 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—You Are What You Eat—Programme 2: "How Natural is Natural" (repeat); 8.15 — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 —Dateline; 9.15 — News; 9.30 — Shape of the Future—Viviyanti Ali (repeat); 9.45— Victor Sylvester and His Orchestra; 10.00— Close Down.

## THURSDAY

AM : 6.5C — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Radioscope New Year Edition (repeat); 11.45 — World of Education. NOON : 12.00 — My Music—202/215; 12.30 News; 12.45 — Brunei Graduates produced by Viviyanti Ali; 1.15 — In Search of the Curious by Jan Ong produced by Veronica Shim; 1.30 — Close Down. 8.00 —.Opening Announcement—Theatre Forty-Fivo: "Long Time Story" by Valeria Murry; 8.45 — Those were the Days by Jaafar Yaakub; 9.15 — News; 9.30 — Popular Classic — Programme 11 "Symphonies" (Romantic) by Hajjah Zainah; 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Rock Line. 11.15 — Night of the Wolf Part I; 11.45—Light Music From the Netherlands. NOON : Radioscope by Viviyanti Ali. PM : 12.30 — News; 12.45 — My Word; 1.15 — Folktales and Legends of Borneo by Graham Saunders produced by Charan Chand; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Rolf Harris Entertains; 8.30 — Calling On You by Sheikh Abbas; 9.00 — Folktales and Legends of Borneo (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Dr. Finlay's Casebook; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Stringsound; 11.30 — International Call. NOON : Many A Slip. PM : 12.30 — News; 12.45 — BBC World Report; 1.00 — Just For Variety by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Practical World; 8.15 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00 —Book Club "Five Roundabouts to Heaven by John Bingham episode 10; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

## SUNDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour by Veronica Shim; 11.30 — Top of the Pops (repeat). NOON : 12.00 — Women's World by Charan Chand. PM : 12.30— News; 12.45 — You Are What Your Eat — Programme 3 : "Making the Best of it"; 1.00—"Two Away For No" by Nafisah Haji Ali; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Brunei Graduates (repeat); 8.30— Perspective; 8.45 — The Young Sound by Tajul Ahmad; 9.15 —News; 9.30 — Sunday Night's Special with Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

## MONDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Hello Tomorrow; 11.30 — Music-Go-Round. NOON : 12.00—Dr In the House. PM : 12.30 — News; 12.45 — Science Potpourri produced by Charan Chand; 1.15 — Patoven's Electric Orchestra; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—The World of Books; 8.30 — Monday's Night Mail by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — The World of Books; 10.00 — Close Down.

## TUESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — BBC Sports Magazine; 11.15 — Housewives' Special; 11.45 — Just A Minute; NOON : 12.15 — Shape of the Future by Viviyanti Ali. PM : 12.30 — News; 12.45 — Music Impromptu — From East to West by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special "Genesis" (Side 2); 8.30 — Radioscope (repeat; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — "Two Away For No" (repeat); 10.00 — Close Down.

# KERJAYA DALAM PASOKAN AMDB

## Anggota Pasokan Pencharagam dan Bomba

1. Menerima salah satu daripada dua tangga gaji :
   a. Ahli yang belum terlateh Tangga 'B' — $473.
   b. Ahli terlateh Tangga 'A' — $490.
   Kedua2 tangga gaji ini tidak termasok elaun chatuan — $162 sa-bulan.
2. Mengikut latehan asas tentera sa-lama 25 minggu di-Pusat Latehan.
3. Menjalani kursus2 tempatan dan luar negeri bagi melayakan diri di-bidang2 kerjaya tersebut.
4. Menerima elaun2 kemudahan2, keistemewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota2 pasokan.
5. a. Kenaikan pangkat mengikut kebolehan dan kelamaan perkhidmatan.
   b. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun.
   c. Bidang kerjaya ini mempunyai peluang baik untok mendapatkan pekerjaan di-luar apabila meninggalkan pasokan.

**SHARAT KEMASOKAN**

1. Raayat Kebawah DYMM dan tergolong daripada salah satu dari tujoh puak jati Melayu : Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
2. Pemohon2 yang menjadi Warga Negara Brunei yang tidak tergolong kapada salah satu daripada tujoh puak jati Melayu yang berugama Islam dan mengamalkan adat resam orang2 Melayu Brunei ada-lah berhak menjadi pemohon2 yang memenohi sharat2 kemasokan.
3. Bujang.
4. Berbadan sehat — Ukoran dada 34 inchi (Ahli Bomba).
5. Berumor 17½-25 tahun.
6. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki 2 inchi (Ahli Bomba).
7. Berat badan tidak kurang daripada 105 paun.
8. Mempunyai Sijil SRP/BJCE.

**Datang-lah ka-alamat di-bawah untok mendapatkan maklumat lanjut. Dan jika awang berminat isikan-lah borang yang di-sediakan dan hantarkan kapada :**

**PEJABAT PENGAMBILAN PASOKAN**
**ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI**
**BOLKIAH KEM, BRUNEI**
**Talipon 23531 sambongan 01 atau 02.**





## ANGGOTA PERTUKANGAN JURUTERA

OLEH kerana ada-nya sistem senjata2 moden yang di-gunakan, Pasokan ini sangat2 memerlukan rekrut2 yang sesuai untok di-lateh sabagai Ahli Pertukangan Kejuruteraan.

Rekrut2 ini akan menerima latehan akademik dan peralatan di-Brunei, Singapura dan United Kingdom. Sa-lepas menamatkan latehan akan bertanggong-jawab untok memelihara dan membaiki alat2 pertemporan yang kompleks saperti helikopter, kapal2 peluru berpandu, kereta2 kebal, penangkis kapal terbang yang perpandu, senjata meriam yang sedang atau yang akan di-gunakan di-dalam AMDB.

Sa-bagai penghargaan di-atas kelayakan2 ini, mereka ini akan menerima gaji pertukangan khas mengikut kebolehan. Sa-lain dari itu mereka juga akan menerima semua elaun2 dan faedah2 yang lazim-nya di-terima oleh soldadu2 yang berkhidmat di-AMDB saperti, elaun chatuan dan lain2.

**KELULUSAN YANG DI-KEHENDAKI**

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari raayat Kebawah DYMM Sultan dan berumor di-antara 17½ dan 25 tahun dan terdiri daripada Bangsa Melayu ia-itu dari puak Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.

Berikut ada-lah kelulusan yang di-kehendaki :

a. Untok Ahli Pertukangan Teknik. (Marine Artificer, Radio dan Radar Tekneshen, Tekneshen Kapal Terbang dan lain2). Lulus Sijil Pelajaran Brunei perengkat biasa di-dalam Ilmu Hisab, Ilmu Fizik (atau Ilmu Sain) dan Bahasa Inggeris.

b. Untok Ahli Pertukangan Artisan. (Mekanik Kenderaan, Pembaiki senjata, Mekanik kapal terbang dan lain2) — Lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei termasok Ilmu Hisab, Ilmu Sain dan Bahasa Inggeris.

Jiwa AWANG2 berminat dalam mempelajari salah satu pertukangan yang membawa kapada kerjaya yang menggembirakan sa-bagai pertukangan jurutera di-AMDB, penohkan borang permohonan di-bawah dan alamat kapada :

**PEGAWAI PENGAMBILAN REKRUT**
**ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI**
**BOLKIAH KEM, BRUNEI**
**Talipon 23531 sambongan 01 atau 02.**

## PEGAWAI BERTAULIAH AMDB DI-KEHENDAKI

ASKAR Melayu Diraja Brunei menawarkan pemuda2 di-Brunei pekerjaan yang menchabar dan yang berharga sa-bagai pegawai biasa bertauliah dalam pasokan ini. Pasokan ini ada-lah sa-buah pasokan yang sedang berkembang dan menghendaki pemuda2 untok di-lateh sa-bagai pegawai dalam berbagai2 bidang kemahiran, saperti Pegawai Penerbangan, Pelayaran, Persenjataan, Kejuruteraan dan Elektronik. Jika Awang2 mempunyai kelayakan2 pelajaran, pasokan ini boleh membantu Awang untok di-lateh dalam jurusan2 tersebut.

Kami yakin bahawa Awang2 akan menerima tawaran ini sabagai satu chabaran yang baik. Oleh yang demikian memohonlah untok di-temuduga. Temuduga yang akan datang di-adakan dalam bulan April 1980. Awang2 hendak-lah menghantar permohonan bertulis kapada Pemerentah Askar Melayu Diraja Brunei, Perkhemahan Berakas dan permohonan2 hendak-lah sampai kapada-nya tidak lewat dari 31hb Januari, 1980.

Bagaimana pun, pehak kami memerlukan Awang2 memenohi sharat2 yang berikut bagi membolehkan Awang2 memasokinya.

a. Awang2 mesti-lah di-lahirkan di-Negeri Brunei dan raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang terdiri daripada orang2 Melayu dari kaum jati puak2 Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.

b. Jika Awang2 bukan dari kaum jati puak2 itu, Awang2 mesti-lah berugama Islam dan mensesuaikan diri Awang2 dengan adat resam orang2 Melayu yang di-amalkan di-Brunei dan raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang tertaklok kapada sa-barang undang2 bertulis yang berhubong dengan kebangsaan-nya.

c. **Bahasa**

   1. Bagi pemohon2 yang tidak pandai berbahasa Inggeris boleh memohon, tetapi mesti-lah lulus dalam Tingkatan VI aliran Sekolah Melayu 1979. Keistemewaan akan di-berikan kapada Awang2 yang berjaya untok mempelajari bahasa Inggeris.
   2. Bagi pemohon2 yang pandai berbahasa Inggeris, mesti-lah lulus Tingkatan V dalam aliran Sekolah Inggeris tahun 1979.

d. Berumor di-antara 17½ hingga 25 tahun pada 21hb Mei, 1980 dan maseh bujang.

e. Tinggi sekurang2-nya 5 kaki 1 inchi dan berat badan tidak kurang dari 105 paun.

Jika Awang2 di-terima sabagai Pegawai Kadet, Awang2 akan menjalani latehan asas tentera di-Pusat Latehan, Perkhemahan Bolkiah sa-lama enam hingga sembilan bulan. Awang2 akan di-hantar keluar negeri untok latehan lanjutan, tertaklok kapada tamat latehan, sa-belum menerima tauliah sa-bagai saorang Pegawai di-dalam pasokan ini.

Jika Awang2 memerlukan sabarang maklumat sila-lah berhubong terus kapada Penolong Timbalan Adjutan Agong, Askar Melayu Diraja Brunei nombor talipon 25581 sambongan 194.

**KERJAYA SA-BAGAI ANGGOTA PERTUKANGAN JURUTERA, ANGOTA PENCHARAGAM, ANGGOTA BOMBA**

Nama : ..............................................................................

No. Kad Pengenalan : ............................ Warna : ......................

Tarikh lahir : ............................ Tempat lahir : ......................

Alamat : ..............................................................................

..............................................................................

Nama Warith : ............................ Hubongan : ......................

Alamat Warith : ..............................................................................

..............................................................................

Nama Sekolah : ..............................................................................

..............................................................................

Tingkatan : ............................

Mata Pelajaran Perengkat Biasa/Brunei Cambridge dan keputusan :

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

Mata Pelajaran SRPB/BJCE dan keputusan :

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

No. Talipon : ..............................................................................

..............................................

Tarikh : ............................ Tanda Tangan

# RENTAS DESA BAHAGIAN PULIS

GADONG. — Temasha lumba lari rentas desa antara bahagian2 pasokan Pulis Di-Raja Brunei, telah di-langsongkan di-sini baru2 ini. Peserta2 di-bahagikan kapada dua bahagian ia-itu lelaki dan wanita. Peserta2 lelaki berlepas dari Pantai Tungku dan menamatkan perlumbaan di-Stadium Hassanal Bolkiah sementara peserta wanita berlepas dari Jalan Katok, dan menamatkan perlumbaan di-stadium yang sama.

Awang Shawal bin Nordin dari bahagian 'A' telah memenangi perlumbaan bagi peserta yang berumor 35 tahun ka-bawah. Staff Sargan Mohd Ali telah memenangi bahagian peserta yang berumor 35 tahun ka-atas.

Dayang Azizah binte Karim telah memenangi bahagian wanita. Bahagian 'A' telah munchol sa-bagai Johan Kumpolan.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Penolong Pesurohjaya Pulis, YAM Pengiran Putera Negara Pengiran Umar bin Pengiran Penghulu Pengiran Haji Apong.

## Sembilan achara sokan di-susun sa-panjang 1980

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran, Bahagian Pendidekan Jasmani Brunei, baru2 ini telah mengeluarkan Ranchangan Kerja sa-tahun, ia-itu, Projek Sokan dan Olahraga bagi sekolah2 seluroh negeri.

Sa-banyak sembilan achara sokan akan di-pertandingkan sa-panjang tahun 1980 ini, antara sekolah2; antara daerah dan antara perengkat negeri.

Tiga achara sokan bagi Sekolah2 Rendah ia-itu: Sokan Bolasepak dan Rentas Desa. Pertandingan I bagi tahun ini ia-lah rentas desa bagi sekolah2.

Juruchakap Bahagian Pendidekan Jasmani, memberitahu Pelita Brunei minggu ini bahawa borang2 untok menyertai pertandingan2 itu boleh di-dapati di-Pejabat Pelajaran di-daerah masing2.

Lumba bernang, achara ini akan di-adakan lebeh awal (di-awalkan) dan penutop pendaftaran ia-lah pada 31hb Januari, 1980 ini.

## Palang Merah Brunei-Muara tempat ke-3

MIRI. — Persatuan Palang Merah Brunei/Muara telah memenangi tempat ketiga dalam pertandingan pertolongan kechemasan dan rawatan yang telah di-adakan di-sini pada Sabtu lalu.

Enam buah pasokan telah mengambil bahagian dalam pertandingan itu. Ia-nya di-anjorkan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah, Chawangan Miri, sempena Ulang Tahun Persatuan Palang Merah Sa-Dunia.

Juara dalam pertandingan itu ia-lah pasokan tuan-rumah. Pasokan Palang Merah Brunei/Muara telah kembali ka-tanah ayer keesokan-nya sa-lepas menyertai pertandingan itu.

## Sokan dan olahraga siri 1—4

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesta Sokan dan Olahraga anjoran Jabatan Pelajaran Bahagian Pendidekan Jasmani, mengandongi empat siri, ia-itu siri pertama hingga siri keempat, saperti berikut:— Siri Pertama: Rentas Desa dan Bolasepak; Siri Kedua: Sepaktakraw, Hoki dan Bola Keranjang; Siri Ketiga: Bolatampar, Berenang dan Ping Pong. Sementara Siri Ke-empat: Olahraga.

Pelita Brunei di-beritahu bahawa segala peratoran2 perlawanan ada-lah terkandong dalam Surat2 Keliling dan Memo yang telah di-keluarkan mengikut siri2 yang tertentu dan Buku Ranchangan Sokan dan Olahraga Sekolah2 Brunei Jilid Pertama.



BERGAMBAR ramai peserta2 Kursus Sivik Guru2 Sekolah2 Rendah kali yang kedua, yang lalu bersama2 dengan Ketua Pegawai Penerangan (di-tengah2) dan Ahli2 Jawatan-kuasa penganjor kursus.

BELIA DAN SOKAN

Kursus tersebut di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan dengan kerjasama dari Jabatan Pelajaran dan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. Kursus tersebut di-hadhiri oleh lebeh 140 orang guru2 di-seluroh negeri (Guru2 Sekolah2 Rendah yang terpileh mengikuti-nya).

## Lawatan muhibbah pasokan Kota Ranjer ka-K.K

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kelab Bolasepak Kota Ranjer, Kota Batu telah mengadakan lawatan muhibbah sa-lama empat hari ka-Kota Kinabalu, Sabah, ia-itu mulai dari hari Isnin 24hb hingga 28hb Disember tahun lalu.

Lawatan mereka ka-sana yang berjumlah sa-ramai 23 orang itu telah di-ketuai oleh Yang Dipertua kelab tersebut, Awang Haji Alidon bin Haji Alidin dan mereka telah menjadi tetamu kapada Likas United, Kota Kinabalu, Sabah.

Semasa berada di-sana mereka telah mengadakan perlawanan bolasepak ia-itu dengan Pasokan Likas United bahagian Junior yang mana berkesudahan seri 0—0, kemudian dengan pasokan Likas United bahagian Senior mereka juga telah seri 3—3 dan dalam perlawanan yang ketiga mereka telah menang sa-telah menewaskan Pasokan Perbendaharan Negeri Sabah dengan jaringan 4 gol tidak berbalas.

Di-samping mengadakan perlawanan bolasepak mereka juga telah di-bawa melawat ka-Pusat Yayasan Sabah dan lain2 tempat yang menarek untok kunjongan pelanchong2.



BERGAMBAR ramai sa-jurus sa-belum perlawanan sa-chara persahabatan di-mulakan di-antara Pasokan Kelab Bolasepak Kota Ranjer dengan Pasokan Likas United Bahagian Junior, sementara gambar satu lagi menunjokkan suasana perlawanan persahabatan. — Gambar ehsan Awang Haji Zulkifli bin Haji Laidin.



## Pelajar2 Brunei balek ka-Singapura

GAMBAR KANAN menunjokkan sa-bahagian daripada penuntut2 Brunei yang berchuti di-Brunei telah berlepas meninggalkan Lapangan Terbang Antarabangsa pada hari Ahad 30hb Disember lalu untok mengikuti sa-mula pelajaran mereka di-Republik Singapura.

Sa-panjang berchuti di-Brunei mereka telah mengadakan beberapa lawatan antara-nya termasok-lah Tingkatan Enam, Radio Talivishen Brunei dan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan di-samping itu mereka juga telah mengadakan perlawanan persahabatan saperti bolasepak dan sepaktakraw dengan pasokan sekolah2 di-negeri ini.





GAMBAR atas kelihatan 10 dari 11 orang kakitangan Jabatan Kerja Raya yang telah bertolak ka-Singapura pada hari Sabtu lalu untok menghadhiri berbagai kursus sa-chara penempatan di-beberapa buah jabatan di-republik itu sa-lama dua bulan.

Awang Mohd Yaakub bin Haji Abdul Razak, Ketua Pembantu Teknik dan Awang Mohd Deli bin Johari, Pembantu Teknik Kanan di-tempatkan di-Jabatan Lembaga Kemudahan2 Awam.

Awang Ismail bin Tahir dan Awang Idris bin Kahar, kedua2-nya Pembantu Teknik dan Awang Mohammad bin Md Said, Tukang Pelan Kanan di-tempatkan di-Jabatan Pehak Berkuasa Pelabohan.

Awang Ahmad bin Haji Malai Besar, Awang Abdul Ghafor bin Damit dan Awang Haji Masri bin Osman, ketiga2-nya Pembantu Teknik di-tempatkan di-Jabatan Kerja Raya.

Awang Lamat bin Haji Bahar, Ketua Tukang Pelan, Awang Ibrahim bin Haji Rashid dan Ak Zainal bin Pg Haji Damit kedua2-nya Tukang Pelan, di-tempatkan di-Jabatan Perumahan dan Kemajuan.



TABONG Badan Kebajikan Kebangsaan Brunei telah mendermakan dua keping chek yang bernilai $1,000 kapada dua orang mangsa kebakaran yang telah di-adakan di-Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan di-ibu negeri di-sini pada hari Rabu yang baru lalu. Wang tersebut ada-lah hasil sumbangan sa-orang peniaga tempatan, Awang Lau Gim Kok.

Kedua2 mangsa kebakaran yang menerima sumbangan derma pada hari itu ia-lah Pengiran Salleh bin Pengiran Haji Rajid (gambar atas) dan Pengiran Mohd Yusof bin Pengiran Anak Hashim. Sumbangan tersebut bernilai $500 tiap2 satu.

## Wakil Kerajaan di-Singapura

PENGIRAN Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abbas telah di-lantek sa-bagai Wakil Kerajaan Brunei di-Singapura mulai 28hb Disember yang lalu.

Pengiran Ali Hassan menggantikan Awang Md Kassim bin Haji Johan yang sekarang menjawat jawatan sa-bagai Penolong Pegawai Daerah Belait.

Beliau sa-belum bertugas di-Singapura memegang jawatan sa-bagai Ketua Pegawai Belia dan Sokan, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan.

## Pegawai Pelajaran berkursus di-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN.— Tiga orang Pegawai Pelajaran dari Jabatan Pelajaran telah bertolak ka-Singapura pada hari Sabtu lalu untok mengikuti Kursus Ikhtisas Diploma dalam bidang pelajaran. Mereka itu akan mengikuti kursus tersebut sa-lama satahun di-Institute of Education di-republik itu.

Pegawai2 itu ia-lah Awg Othman bin Ghafar, Dayang Aming binte Haji Wasli dan Dayang Asmah binte Haji Abdul Rahman.

Pemergian pegawai2 itu ada-lah sa-chara kursus dalam perkhidmatan.

## J-kuasa Bolasepak Daerah Brunei-Muara di-bubar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ahli2 Jawatankuasa Tadbir Persatuan Bolasepak Amatur Daerah Brunei-Muara telah pun dibubarkan mulai 7hb Oktober tahun lalu.

Ini telah pun di-putuskan melalui satu mashuarat yang di-adakan oleh Majlis BAFA pada hari tersebut.

Pentadbiran bagi Persatuan tersebut kini di-kendalikan oleh Majlis BAFA.

Sementara itu pasokan bolasepak Kebangsaan Negeri Brunei yang mengandongi 18 orang pemain dan 4 orang pegawai yang akan menyertai perlawanan bolasepak Piala Malaysia akan bertolak ka-Perak esok di-mana mereka akan bertemu dengan pasokan negeri itu sa-bagai perlawanan pertama mereka bagi siri pertandingan tersebut.

Mereka kemudian di-jangka akan bertemu dengan pasokan negeri kedah pada 15hb ini. Perlawanan tersebut akan berlangsong di-Stadium Darul Aman.

Sa-bagai perlawanan pertama mereka dalam negeri, Pasokan Bolasepak Kebangsaan Negeri Brunei akan bertemu dengan Pasokan Melaka pada 24hb ini, sementara pada 27hb mereka akan bertemu dengan pasokan Johor.

Kedua2 perlawanan akan di-langsongkan di-Stadium Hassanal Bolkiah Gadong.

## Berkursus ka-Kanada



AWANG Md. Zain bin Haji Abdul Ghafar (gambar atas) Pegawai Pertanian di-Bahagian Agronomi, Jabatan Pertanian, telah berlepas ka-Kanada pada hari Khamis, 27hb Disember, 1979 yang lalu, untok mengikuti kursus Sarjana Sains Pertanian dalam Jurusan Sains Rampai di-McGill University, sa-lama dua tahun.

Awang Md Zain yang mula berkhidmat di-Jabatan Pertanian pada tahun 1976, pernah menuntut di-McGill di-mana beliau berjaya memperoleh ijazah Sarjana Muda Sains di-bidang Pertanian.


### GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT

### TENDER NOTICE

**THE SUPPLY OF ENVELOPES TO THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT FOR THE YEAR 1980**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon Thursday, 14th February, 1980 for :—

THE SUPPLY OF ENVELOPES TO THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT FOR THE YEAR 1980.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. All tenders must be accompanied by samples and prices must include delivery to the Government Printing Department's store at Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Brunei.

4. Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

5. Tenders must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and clearly marked :—

THE SUPPLY OF ENVELOPES TO THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT FOR THE YEAR 1980.

6. Tender forms and specifications can be obtained from the office of the Government Printing Department, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Brunei during normal working hours or on request in writing.

7. The tender deposit of $1000.00 shall be in the form of a cheque in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of bonafide tender.

8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.


## Ketetapan harga kereta Subaru

BERIKUT ia-lah senarai harga kereta bagi ajen penjual kereta di-negeri ini yang telah di-persetujui oleh Pengawal Harga, Brunei.

Sharikat itu ia-lah LAU MOTOR COMPANY yang menjual kereta jenis Subaru model baru :—

| JENIS KERETA | HARGA JUALAN (Showroom Selling Price) | HARGA JUALAN PENOH (Selling Price On The Road) |
|---|---|---|
| SUBARU SEDAN DL (4-Doors) Model : AB1-R (1300 cc) Front disc brake, carpet, cigarette lighter, air-blower, graphic monitor, radio, glove box lock | $10,080.00 | $10,541.00 |
| SUBARU SEDAN DL (4-Doors) Model : AB3-R (1600 cc) Front disc brake, carpet, radio, air-blower, graphic monitor, glove box lock | $10,450.00 | $10,930.00 |
| SUBARU SEDAN GLF (5-Speed) Model : AB2-R (1600 cc) 5 Speed Tranmission, front disc brake, radio, clock, trunk lid lock, radial tyres, graphic monitor, air-blower, carpet, glove box lock | $10,950.00 | $11,453.00 |
| SUBARU 4WD STATION WAGON. Model : AM3-R (1600 cc). Front disc brake, radio, carpet, graphic monitor, air-blower, glove box lock, cigarette lighter, radial tyres | $12,280.00 | $12,819.00 |
| SUBARU STATION WAGON DL. Model : AM2-R (1600 cc). Front disc brake, radio, carpet, graphic monitor, air-blower, rear defogger, cigarette lighter | $10,880.00 | $11,374.00 |

Orang ramai boleh-lah melihat jadual harga2 kereta yang telah di-persetujui yang telah di-chap dan di-tanda-tangani oleh pehak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga kereta yang di-tunjokkan tidak mempunyai chap dan tanda-tangan dari pehak berkuasa Pengawal Harga, ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporkan kapada pehak yang berkenaan, talipon nombor 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 ajen kereta yang telah menyalah gunakan jadual harga kereta yang telah di-tetapkan itu.

## Kenyataan Pegawai Penguasa Warith

**No. 47/1979**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Law Kok Hoo, d/a No. 48, Jalan Pretty, Kuala Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Liew Hong Kui @ Law Hong Kui yang telah meninggal dunia di-Kuala Belait dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

**No. 48/1979**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh 1. Noriah bte Nong, 2. Dayang Noriah bte Nong, 3. Rayali bin Nong, d/a No. 5 Kampong Perumpong, Sungai Liang, Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Halimah binte Ali yang telah meninggal dunia di-Sungai Liang, Belait dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak-anak kapada si-mati.

**No. 49/1979**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang binte Murni d/a Barrack J.K.R. No. 206A, Jalan Puteri Brunei, Kuala Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Ramlee bin Mehong yang telah meninggal dunia di-Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

**No. 50/1979**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Chentek binte Puteh, d/a Kampong Pukit, Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Bohari bin Diman yang telah meninggal dunia di-Seria, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

**No. 51/1979**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Iba anak Agau, d/a Rumah jelemin, Sungai apang Pandan, Bintulu, Sarawak kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Chin Joon Sang yang telah meninggal di-Sungai Liang, Seria, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan2 di-beri bahawa permohonan2 di-atas akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 17 haribulan Januari, 1980, pada jam 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan Januari, 1980.

**Charlie Foo**
**Pegawai Penguasa Warith, Brunei.**

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN TALIKOM, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Talikom, Brunei.

1. PEGAWAI TEKNIK KANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mesti-lah mempunyai sama ada :—

a) Minima tiga tahun sa-bagai Pegawa Teknik atau yang sebanding mengenai sebarang tugas2 berikut:—
   i) Peranchangan ibusawat, pemasangan atau pemeliharaan, peranchangan pemancharan Radio, pemasangan atau pemeliharaan.
   ii) Peranchangan Kebal.
   iii) Pemeliharaan Taliperinter.

DI-TAMBAH

City and Guilds hingga kataraf Intermediate dalam satu mata-pelajaran yang berkenaan.

b) Minima tujoh tahun sabagai Pegawai Teknik atau yang sebanding sebarang mata-pelajaran yang terchatet dalam (a) dengan pengalaman dalam keupayaan menyelia.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C. 2-3 EB. 4 — $1071-1109-1148-1186-1224-1275 - 1326 - 1377 - 1428 - 1479-1530-1581-1632-1683/EB/ 1734-1785-1836-1887-1938.

2. PEGAWAI TERAPIK TALIKOM :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Hendak-lah mempunyai salah satu :—

a) Lulus pepereksaan Brunei Cambridge G.C.E. perengkat 'O' atau yang sebanding dengan mendapat kepujian dalam mata-pelajaran Ilmu Hisab DI-TAMBAH dua tahun pengalaman mengenai tugas2 Terapik Talikom.

ATAU

b) Mempunyai pengalaman lima tahun mengenai tugas2 Terapik Talikom sa-bagai Penolong Pegawai Terapik atau yang sebanding.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C. 1-2 EB. 3 — $944-982-1033-1071-1109 - 1148 - 1186 - 1224 - 1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683.

3. PENOLONG PEGAWAI TERAPIK TALIKOM :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Hendak-lah mempunyai salah satu :—

a) Lulus pepereksaan Brunei Cambridge G.C.E. perengkat 'O' atau yang sebanding dengan memperolehi kepujian dalam mata-pelajaran Ilmu Hisab.

ATAU

b) Sijil Rendah Pelajaran Brunei dengan kepujian dalam mata-pelajaran Ilmu Hisab dan tiga tahun dalam Perkhidmatan Kerajaan.

ATAU

c) Mempunyai minima lima tahun perkhidmatan dalam Perkhidmatan Kerajaan dengan sekurang2-nya dua tahun mengendali tugas2 Terapik Talikom.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-456-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784 / EB / 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

4. TUKANG PELAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III atau sebanding dengan-nya.
b) Mesti-lah mempunyai pengalaman melukis pelan2 dan telah lulus Ilmu Hisab bahagian rendah.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542 - 561-625-657-689-720-752 - 784/ EB/ 854 - 880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

5. TUKANG KAYU :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Hanya orang2 yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman2 yang tersebut di-bawah ini di-kehendaki memohon:—

a) Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya serta mempunyai pengalaman sekurang2-nya satu tahun dalam kerja2 Pertukangan Kayu.
b) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang sedang berkhidmat di-Jabatan Talikom.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

6. TUKANG LUKIS :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan II atau yang sebanding dengan-nya.
b) Mempunyai pengalaman sabagai Tukang Lukis Pelan sekurang2-nya satu tahun.
c) Umor di-antara 18 hingga 25 tahun.
d) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang sedang berkhidmat di-Jabatan Talikom.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

7. PELATEH TEKNIK :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah lulus Brunei Cambridge G.C.E. Perengkat 'O' atau yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian2 dalam mata2-pelajaran Inggeris, Ilmu Hisab sama ada Physical atau Sain 'Am. Chalon2 yang berjaya akan di-berikan latehan dalam kejuruteraan Talikom di-Brunei dan mana mereka di-berikan latehan akademi bagi Sijil2 City dan Guilds. Apabila mereka berjaya menamatkan latehan, chalon2 akan di-tingkatkan semula sa-bagai Pegawai Teknik dalam sukatan gaji D. 3-4 EB. 5-6. Chalon2 yang tidak berjaya menamatkan latehan dengan Sijil2 City and Guilds yang perlu akan di-benarkan untok meneruskan perkhidmatan sa-bagai Teknik dalam sukatan gaji D. 2-3 EB. 4-5.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497 - 510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 18hb Februari, 1980.

(E/1023/76 — Bil: 189/1979)

## KENYATAAN JUALAN LELONG

DENGAN ini di-ma'alomkan bahawa jualan lelong barang2 emas yang tidak di-tebus akan di-adakan di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan, Brunei pada 17hb Januari, 1980 jam 9.30 pagi.

## AUCTION SALE

NOTICE is hereby given that an auction sale of unredeemed pawn shop articles will be held at the Youth Centre, Bandar Seri Begawan, Brunei on 17th January, 1980, commencing at 9.30 a.m.

Hj Yahya bin Haji Harris
Pmk Pegawai Daerah Brunei
dan Muara, Brunei.

## SUCCESSFUL TENDERS

1 Supply of Teakwood furniture to RBMR (Class I, II and III) — Court Furniture Co.

2 Electrical installation at Police Complex, Kg Pelompong — Rex Elec Co — $331,095.

3 Supply of earthfill to Jerudong Park — Lian Yin Earthworks — $1.43 per cu yd.

4 Electrical installation for Agriculture Research Station — Kilanas — Kwek Eng Co — $16,762.

5 Electrical installation at SM Sg Kebun — Southern Elec Co — $566,229.

6 Supply of fertilizers to Jerudong Park — Ace Agencies at :
NPK — $36.25 per bag; Lime — $12.40 per bag;
Urea — $31.80 per bag;
CIRP — $18.20 per bag and
Lucerne Hay — $23.80 per bag.

7 Construction of extension to Gynaecology and Obstetrics clinic and MMR Room/X-Ray Department, General Hospital — Ng & Tam Co — $373,938.

8 Transport and stevedoring for 1980 (State Stores) — Brunei Transporting Co.

9 Proposed Government Office Complex earthworks, Old Airport Road — Swee Pte Ltd — $2,880,881.64.

10 Sub-surface exploration for proposed New Military Air Wing at Brunei International Airport — Malaysian Soil Investigation Sdn Bhd — $81,360 — 16 weeks.

## Sa-bagai Pengajar Teknikal Kanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pengajar Teknikal Kanan (mata-pelajaran Pertukangan Perabot) di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mempunyai Diploma Furniture Craft atau Cabinet Making atau kelulusan yang sebanding.

Sijil Perguruan.

Mempunyai 10 tahun pengalaman di-bidang indastri atau mengajar.

**Umor :**

Antara 30 hingga 55 tahun.

**Tugas2 :**

Mengajar chara2 membuat perabot di-Sekolah Teknikal kapada penuntut2 Tingkatan III. Pemohon2 yang berjaya di-kehendaki menjalankan tugas2 luar bilek darjah sesuai dengan sa-sebuah sekolah berasrama.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji B. 2 — B$1645-1709-1772-1836 - 1900 - 1964-2027 - 2104 - 2180 - 2257 - 2333-2410 - 2486 - 2563 - 2639 - 2716. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 20hb Februari, 1980.

(E/740/78 — Bil: 190/1979)

## Sa-bagai Penggapai

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penggapai di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 45 tahun;
b) Mesti-lah mengetahui Hal Ehwal Ugama Islam dan Rukun2 Islam, terutama dengan menchuchi mayat;
c) Chalon2 akan menjalani satu pepereksaan sa-chara lisan (sa-chara mulut) di-adakan sa-masa temu-duga.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 28hb Februari, 1980.

(E/881/71 — Bil : 193/1979)

## Sa-bagai Tukang Jahit

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Tukang Jahit di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Bdunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Umor 25-45 tahun.
b) Mesti-lah lulus sekurang2-nya darjah VI Melayu atau pun yang sebanding dengan-nya.
c) Mempunyai pengalaman dalam kerja2 menjahit ada-lah satu keutamaan.

Ujian akan di-adakan kapada chalon2 sa-belum di-temu duga.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB. 3 — $357-370-383-395-408-421-434-446/ EB /459-472-485-497-510-523.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb Februari, 1980.

(E/325/78 — Bil : 192/1979)

## Sa-bagai Juru X-Ray Pelateh

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Juru X-Ray Pelateh/Perchubaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah telah menchapai umor 18 tahun. Mereka mesti-lah lulus sekurang2-nya 4 mata-pelajaran perengkat 'O' termasok bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan dua mata-pelajaran Sains; kelulusan di-perengkat 'A' dalam mata-pelajaran Fiziks atau Ilmu Hisab ada-lah perlu.

Latehan permulaan akan di-selanggarakan di-Hospital Umom, Bandar Seri Begawan dan sa-lepas tempoh yang sesuai chalon2 yang berjaya akan di-hantar ka-School of Radiography, United Kingdom untok mengambil Pepereksaan Diploma.

Juru X-Ray Pelateh yang gagal dalam pepereksaan mereka mungkin akan di-ambil bekerja sa-bagai Juruteknik X-Ray. Tiap2 chalon sedemikian akan di-nilaikan sa-chara persendirian sa-lepas satu tempoh perkhidmatan di-Jabatan X-Ray, Bandar Seri Begawan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji M. 4 — $650-682-714-746-778-810.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 1hb Mach, 1980.

(E/1174/78 — Bil : 191/1979)

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei, from Registered Class "A" Contractors up to 12.00 noon on Tuesday, 22nd January, 1980 for the PROPOSED SHOPPING COMPLEX AT KAMPONG LAMBAK, JALAN BERAKAS, BRUNEI.

2. Tenders received after 12.00 noon Tuesday, 22nd January 1980 will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name and address of the Tenderer and shall be marked clearly "TENDER FOR THE PROPOSED SHOPPING COMPLEX AT KAMPONG LAMBAK, JALAN BERAKAS, BRUNEI."

4. Drawings and Bill of Quantities may be obtained from and examined at the office of State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei during normal office hours on payment of a deposit of $1,000.00 which will be refunded to each unsuccessful tenderer upon receipt of a bona fide tender and return of all tender documents in good condition.

5. Tender shall be submitted only on the Forms of Tender provided.

6. The Government of Brunei does not bind itself to acept the lowest of any tender.

## ADULT EDUCATION CLASSES IN CITY AND GUILDS COURSE 255, MECHANICAL ENGINEERING TECHNICIANS PART I

A TWO-YEAR course leading to the City and Guilds Examination in subject 255 Mechanical Engineering Technicians Part I will be held three evenings per week at the Jefri Bolkiah School of Engineering, Kuala Belait commencing in January 1980.

Applicants must have :—

a) Completed Form Five the subjects including Mathematics, a suitable science subject and technical drawing or a metalwork subject; or
b) satisfactorily completed the first year of a General Course in Engineering; or
c) passed Part I Certificate in a mechanical engineering craft subject where appropriate.

Application forms are obtainable from the Education Department Head Office, or the Principal, Jefri Bolkiah School of Engineering, Kuala Belait.

Applications must reach the Principal, Jefri Bolkiah School of Engineering, Kuala Belait not later than 21st January, 1980.

## Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad

## MEMPELAWA TAWARAN

SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD mempelawa tawaran2 dari pemborong2 yang di-benarkan oleh Sharikat M.S.B. bagi :—

1) KATEGORI 15/16 — TAWARAN No. ODL/177-79
Mengadakan perkhidmatan2 pasokan2 bekerja di-geladak, pasokan2 tukang chat dan orang2 berjaga di-sisi radio dalam tongkang bertugas Sharikat ia-itu "Tenaga" bagi tempoh dua tahun lama-nya.

2) KATEGORI 6 dan 32 — TAWARAN No. LEN/178-79
Mengadakan dan memasang paip bagi memindahkan LLG ka-B.S.P.

Bagi maklumat lebeh lanjut, lihat-lah Kenyataan2 Tawaran di-Papan2 Kenyataan Tawaran Sharikat M.S.B.

# KENYATAAN2 DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TENDER NOTICE

**REMEDIAL WORKS TO BERAKAS CAMP SWIMMING POOL**

REGISTERED Class 'AX' and above Contractors are invited to submit tender for the Remedial Works to Berakas Camp Olympic Size Swimming Pool, Berakas Camp, Brunei.

Tender documents and all particulars can be obtained from the office of Messrs Sepakat Setia Perunding, 147, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, Brunei from 10th January, 1980 to 19th January 1980 during normal office hours. The Tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tenders must be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei, not later than 12.00 noon, on Tuesday, 19th February, 1980. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked at the top left hand corner with the words, Tender: Remedial Works to Berakas Camp Swimming Pool.

SITE SHOWROUND :— Meet at Entrance to Berakas Camp( Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan at 9.00 a.m. on Monday, 21st January, 1980. Those who do not attend the site showround at the stipulated time and date will be disqualified from tendering.

Our client, the Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

### No. 192 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th January, 1980 for:—

MANUFACTURE AND SUPPLY OF 44 SETS CLASS III FURNITURE FOR E FLAT AT JALAN ISTANA, STAFF HOUSING RICE PROJECT AT LIMAU MANIS AND F FLAT POLO, BERAKAS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 193 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th January, 1980 for:—

MANUFACTURE AND SUPPLY OF 68 SETS OF CLASS III FURNITURE FOR STAFF HOUSING AT MILE 11 JALAN TUTONG AND POLO QUARTERS JERUDONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 194 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th January, 1980 for:—

MANUFACTURE AND SUPPLY OF 6 SETS OF CLASS II AND 3 SETS OF CLASS I FURNITURE FOR POLO QUARTERS BERAKAS, POLO QUARTERS JERUDONG AND QUARTERS AT RICE PROJECT AT LIMAU MANIS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 195 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th January, 1980 for : —

PROPOSED INSPECTION SHED TO LAND TRANSPORT DEPARTMENT AT JALAN GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 196 OF 1979

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 22nd January, 1980 for : ——

THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO THE PROPOSED ACCESS ROADS AND CAR PARKS AT JERUDONG, PARK, JERUDONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received from Registered Class AX, and B Contractors by the Chairman of the Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan. Brunei up until noon on Tuesday 22nd January, 1980 for:

   METAL WORK AND WELDING SHOP BOYS COMPANY — BOLKIAH CAMP.

2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders will be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the Tenderer.
4. The cover must be addressed to The Chairman of the Tenders Board and endorsed as follows:

   METAL WORK AND WELDING SHOP BOYS COMPANY — BOLKIAH CAMP.

5. Tenders Documents may be obtained from the offices of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, from Wednesday 9th January, 1980, during normal working hours.
6. The tender deposit will be $500.00 in the form of a bank draft, made out in favour of the Brunei Government, and will be refunded to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.
7. Tenders shall be submitted on the form provided with the tender documents.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## JUALAN LELONG

Ada-lah dengan ini di-beri Notis ia-itu jualan lelong barang2 yang tersebut di-dalam Jadual di-bawah akan di-adakan pada 19hb Januari, 1980.

Lelongan ini ada-lah bersharat berikut : —

1. Pembeli yang berjaya hendak-lah membayar dengan wang tunai dan memindahkan barang2 yang di-beli-nya tidak lewat dalam 7 hari dari hari perlelongan.
2. Pembeli yang berjaya hendak-lah juga membayar chukai kastam jika perlu.
3. Apa2 barang yang telah di-beli tetapi tidak di-pindahkan dalam tempoh 7 hari tersebut akan di-rampas kembali dan di-jual semula.

### JADUAL

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | BG. 2224 Austin A40 Van. | Di-Kawasan Boatshed, Jabatan Ukor Jalan Berakas, Brunei. | 19hb Jan., 1980 9.00 pagi. |

## PUBLIC AUCTION

Notice is hereby given that a public auction of the under mentioned items of goods specified on the Schedule will be held on 19th January, 1980.

The sale will be subject to the following conditions : —

1. The successful bidder will be required to pay cash and remove the goods from the site not later than seven days after the auction.
2. The successful bidder will also be required to pay Customs duty wherever applicable.
3. Any items of goods bought but not removed within this period of seven days will be forfeited resold.

### SCHEDULE

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | BG. 2224 Austin A40 Van. | At the compound of the Boatshed Survey Department, Jalan Berakas, Brunei. | 19th Jan., 1980 9.00 a.m. |

## KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH

### No. TEMB 17/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Majoi anak Manila, Kampong Semabat, Temburong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dg Teong anak Kelabu yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah saudara sa-pupu kapada si-mati.

### No. TEMB 18/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Tiawan @ Normah bte Yusof, Kampong Piasau2, Temburong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Mulok bin Haji Pandin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

### No. 142/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Ng Jee Moi, B 11, Pasar Sayor, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Tan Wee Jang yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

### No. 143/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hajijah binte Bungso, No. 73, Kampong Sengkurong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Norti bte Tudin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak perempuan kapada si-mati.

### No. 144/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh S/Sgt. 0186 Abdul Manaf bin Ahad, Electronic W/Shop, Berakas Camp, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Tabam binte Ahad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah adek lelaki kapada si-mati.

### No. 145/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Zainudin bin Mohamad Dollah, No. 89, Kampong Sumbiling Lama, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Mohamad Dollah bin Abang Arsat yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mata.

### No. 146/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ahmad bin Haji Tengah, Kampong Penapar, Tutong kekerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Tengah bin Ali yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

### No. 147/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Lagor bin Akim, No. 24, Kampong Kasat, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Akim bin Haji Zaman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

### No. 148/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Pungut bin Kamit, No. 50, Kampong Kilanas, Batu 8, Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Mohamad bin Pungut yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah bapa kapada si-mati.

### No. 149/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Adi binte Haji Arif, Kampong Pudak, Kuala Sungai, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Abdullah bin Mohd Noor yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

### No. 150/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Yahya bin Mat Serudin, Kampong Serasa, Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Liasan bin Amat yang telah meninggal dunia di-Malaysia dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak saudara kapada si-mati.

### No. 151/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ja'afar bin Mohamed, No. 1, Kampong Lurong Sekuna, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Sura bte Mohamed yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kapada si-mati.

### No. 152/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ghani @ Awang Abdul Ghani bin Sidop, No. 18, Kampong Jerudong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Sidop bin Nasar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

### No. 153/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ho Koon Hoi dan Ho Koon Meng, No. 31, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Hoe Ngim @ Ho Chuan yang telah meninggal dunia di-Singapura dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki dan anak perempuan kapada si-mati.

### No. 154/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Hjh Maikasum bte Lamit, No. 55, Kampong Pelambayan, Jalan Kota Batu, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh (Pehin Khatib) Haji Awang Junit bin Jamudin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

### No. 155/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Liah bte Ma'at, No. 37, Kampong Jerudong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Bulan bin Anggas yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

### No. 156/1979

BAHAWA permohonan kapada Makhamah ini telah di-perbuat oleh Md Ja'afar bin Haji Abdul Aziz, C7, Jalan Dato Rooney, Berakas Camp, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Abd Aziz bin Abdullah @ Jimmy Bell yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan2 di-beri bahawa permohonan2 di-atas akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 12 haribulan Januari, 1980, pada jam 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu dikehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 29 haribulan Disember, 1979.

## Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad

## MEMPELAWA TAWARAN

SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD mempelawa tawaran2 dari pemborong2 yang di-benarkan oleh Sharikat M.S.B. bagi : —

1) **KATEGORI 3 — TAWARAN No. PCS/169-79**
   Membaharui sa-chara menyeluroh terhadap Rumah2 Tinggi bagi Pegawai Kanan.
2) **KATEGORI 22 — TAWARAN No. PCS/173-79**
   Memuatkan ka-dalam sarah atau mengeluarkan dari sarah barang2 sendiri.
3) **KATEGORI 4 — TAWARAN No. LEN/175-79**
   Membena Asas kongkerit tetulang dan galangan pipe bagi saloran memindahkan Gasoline jenis ringan dari Lumut ka-BSP.

Bagi maklumat lebeh lanjut, lihat-lah Kenyataan2 Tawaran di-Papan2 Kenyataan Tawaran Sharikat M.S.B.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

## INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for :

1) **CAT 3 — TENDER No. PCS/169-79**
   Major rehabilitation of SS elevated timber bungalows.
2) **CAT 22 — TENDER No. PCS/173-79**
   Packing and Unpacking of personal effects.
3) **CAT 4 — TENDER No. LEN/175-79**
   Construction of R.C. foundations and pipe supports for Lumut light Gasoline transfer line to BSP.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

# TIMBULKAN SEMANGAT BERDIKARI DI-KALANGAN MASHARAKAT KITA



KAMPONG Lurong Dalam, Mukim Burong Pingai, Kampong Ayer, di-Bandar Seri Begawan, merupakan kampong yang pertama mengenalkan kerja2 sukarela membersehkan jembatan. Projek tersebut di-selenggarakan oleh Badan Pekerja Sosial dan Pembangunan Masharakat yang baru di-tubohkan. Kerja2 sa-umpama ini akan di-teruskan keseluroh kampong2 di-samping kerja2 sukarela saperti membangun tempat2 perhentian bas dan lain2 lagi. Kelihatan Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain turut membersehkan jembatan, sa-bagai memulakan pelancharan kerja2 kebajikan dan sukarela itu.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain menekankan bahawa konsep pembangunan masharakat ia-lah bagi menimbulkan usaha2 yang berkebajikan untok masharakat itu sendiri yang di-kendalikan-nya sendiri serta di-punyai oleh masharakat itu sendiri.

Ka-arah itu, kata Yang Berhormat, kaki-tangan jabatan2 kerajaan yang menyertai usaha2 berkebajikan pada hari itu seharus-nya-lah di-sifatkan sa-bagai penggalak dengan tujuan anak2 kampong sendiri melalui ketua2 kampong dan penghulu serta dengan kerjasama pemimpin2 masharakat dan belia dan sokongan anak2 kampong untok meneruskan projek2 itu di-masa2 yang akan datang.

Maka dengan jalan itu nanti, tambah Yang Berhormat Pehin itu lagi, kita akan dapat menimbulkan semangat yang sentiasa ingin berdiri di-atas tapak kaki sendiri dan menghargai kebersehan untok kepentingan masharakat kampong am-nya kapada seluroh masharakat di-negeri ini khas-nya.

Beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan pelancharan membersehkan jembatan bagi kampong Lurong Dalam dan Kampong Burong Pingai yang di-anjorkan oleh Jawatankuasa Kerja Pekerja2 Sosial dan Pembangunan Masharakat yang telah di-adakan di-dewan Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtaddee Billah di-sini pada hari Jumaat lalu, Yang Berhormat berharap supaya usaha berkebajikan yang di-jalankan itu akan mendapat sambutan dan semangat daripada semua lapisan masharakat di-negeri Brunei Darussalam ini.

Menyentoh mengenai dengan projek di-hari tersebut Yang Berhormat seterus-nya menjelaskan bahawa ranchangan itu bukan lah merupakan urusan rasmi kerana kita tidak dapat mengelakkan bahawa pegawai2 kerajaan juga turut dalam satu2 ranchangan sa-umpama itu.

Kerana kita di-Brunei, tambah Yang Berhormat itu lagi, kekurangan tenaga dan tenaga itu sangat mustahak kerana kita sa-bilangan kechil sa-ramai penduduk 200,000 dan kawasan kita 2,226 batu persegi memang negeri kita di-katakan 'under populated' pada masa ini.

Tetapi di-masa yang akan datang, jelas-nya, kita mungkin akan kekurangan tenaga manusia dan bukan-nya tenaga jentera dan kalau tenaga jentera di-datangkan banyak orang kita akan tidak mahu bekerja dan ini menjadikan kita "weak society".

"Oleh kerana itu kita harus-lah menjadikan kitani juga yang sama2 boleh berganding bahu dan kitani dapat mencherminkan hidup masharakat Brunei kita di-masa2 yang akan datang", ujar Yang Berhormat.

Terdahulu dari itu, Yang Berhormat menjelaskan bahawa jawatankuasa itu telah di-tubohkan ekoran dari penchapaian matalamat dari kursus dan seminar yang telah di-anjorkan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan dengan kerjasama Ranchangan Pembangunan Bangsa2 Bersatu yang telah di-adakan pada 22hb September lalu di-Pusat Belia.

Tujuan jawatankuasa itu di-bentok, jelas-nya lagi ia-lah semata-mata untok memupok dan mengasoh serta memberangsang pendudok2 di-negeri ini supaya bergiat dan menunjokkan tenaga mereka sa-bagai pemimpin.

Turut beruchap di-upachara itu ia-lah Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

## Gotong-royong asas berdikari

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendudok2 yang tinggal di-Kampong Sumbiling Lama telah di-seru supaya memupok lagi ketaat setiaan mereka demi untok melancharkan lagi ranchangan2 kerajaan di-samping berusaha untok mempertinggikan lagi taraf hidup mereka.

Seruan tersebut telah di-suarakan oleh Awg Hamzah bin Haji Md Jaafar, Pengawai Pentadbir Pejabat Daerah Brunei-Muara sejurus sebelum merasmikan pembukaan jembatan baru di-Kampong tersebut di-sini pada hari Juma'at yang baru lalu.

Menyentoh tentang usaha bergotong-royong yang telah di-tunjokkan oleh pendudok2 kampong, Awg Hamzah seterus-nya menekankan agar usaha yang sa-demikian akan terus di-lazimkan kerana kata-nya perkara tersebut bukan sahaja akan dapat menolong mengeratkan lagi perhubongan silatul-rahim, bahkan juga akan dapat mendampingkan diri untok kepentingan masharakat terutama di-sudut yang berkebajikan saperti majlis suka-duka.

"Bergotong-royong boleh melateh diri kita untok berdikari atau pun berdiri di-atas kaki kita sendiri dalam apa2 jua usaha di-samping ia-nya boleh menolong kita menjimatkan tenaga, masa dan perbelanjaan. Menafaat yang sa-demikian tidak akan terchapai jika hanya melalui tindakan2 sa-chara bersendiri." Awg Hamzah menerangkan.

Berchakap tentang jembatan yang baru di-buka itu, Awang Hamzah menyatakan yang ia-nya adalah merupakan salah satu jasa bakti kerajaan yang sentiasa mengambil perhatian yang berat tentang kesulitan2 raayat dan pendudok di-negeri ini.

Oleh itu Awang Hamzah akhir-nya menyeru para pendudok supaya akan terus berusaha menjaga dan memelihara-nya dengan baik agar kemudahan yang merupakan alat perhubongan yang terpenting itu akan terus dapat memberi guna.

Jembatan yang panjang-nya 750 kaki itu keselurohan-nya berharga $15,000 dan segala perkakas adalah di-sediakan oleh Kerajaan sementara pembenaan-nya telah di-usahakan oleh pendudok2 kampong dengan chara bergotong-royong.

Turut beruchap di-majlis itu ia-lah Ketua Kampong Sumbiling Lama, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Dewa Dato Paduka Haji Musa bin Awang Hitam yang juga selaku Penasehat Jawatankuasa Pembukaan Rasmi pada hari itu.



KELIHATAN Pegawai Pentadbir Pejabat Daerah Brunei-Muara, Awang Hamzah bin Haji Mohd Ja'afar dan jemputan kehormat pembukaan rasmi jembatan baru Kampong Sumbiling Lama, Bandar Seri Begawan, sedang melalui jembatan tersebut sa-jurus sa-telah majlis pembukaan rasmi jembatan itu selamat di-sempurnakan. Jembatan yang panjang-nya 750 kaki itu menelan belanja sa-banyak $15,000.00 yang di-biayai oleh Pejabat Daerah Brunei-Muara.



EMPAT orang kakitangan Jabatan Ukor yang telah bersara baru2 ini telah di-rai'kan di-satu majlis perpisahan yang telah berlangsong di-Jabatan tersebut minggu lalu.

Mereka ia-lah Awang Haji Othman bin Ahmad dan Awang Othman bin Yaakub, Pengiran Haji Kahar bin Pengiran Kamaluddin dan Awang Ali bin Haji Abdul Rahman (gambar atas).

Juga beruchap di-majlis tersebut ia-lah Juru Ukor Agong Brunei, Awang James William Wright (tengah) yang juga menyampaikan chenderamata di-akhir majlis.

## Lesen alat2 menangkap ikan hendak-lah di-baharui

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perikanan mengumomkan bahawa semua alat2 menangkap ikan hendak-lah di-lesenkan bagi tahun 1980. Lesen2 itu hendak-lah di-perolehi dengan sa-chepat mungkin kerana nelayan yang menggunakan alat2 yang tidak berlesen sa-lepas tarikh penutop-nya boleh di-dakwa di-bawah Undang2 Perikanan 1972.

Lesen2 boleh di-dapati daripada Pegawai Melesen Perikanan di-kampong2 yang berikut:—

Brunei dan Muara: Kampong Sungai Matan, Kg Batu Marang, Kg Masjid Lama Muara, Kg Pulau Baru2, dan Berbunot, Kg Setia, Kg Saba Darat, Kg Saba Ujong, Kg Saba Laut, Kg Saba Tengah, Kg Menunggol, Kg Pasir Jerudong, Kg Ujong Kelinik dan Kampong Tungku.

Belait/Seria: Kampong Sungai Teraban dan Kampong Lumut/Sungai Liang.

Tutong: Kampong Panjang, Kampong Kuala Tutong dan Kampong Danau.

Pelita juga telah di-fahamkan bahawa tarikh dan waktu kedatangan Pegawai Melesen ka-kampong yang tersebut akan di-maalomkan melalui ketua2 kampong yang berkenaan. Di-samping itu pegawai melesen juga akan berada di-Pejabat Perikanan, Bandar Seri Begawan pada tiap2 hari Isnin dan Sabtu.

Tarikh penutop bagi mengambil lesen2 itu ia-lah pada 31hb. Mach 1980 dan sa-lepas tarikh tersebut lesen2 hanya akan di-keluarkan untok perkakas2 yang baharu sahaja.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.